Hedayah
countering violent extremism

BAGAIMANA UNTUK MENJEJASKAN NARATIF ESKTREMIS GANAS DI ASIA TENGGARA

BUKU PANDUAN

SARA ZEIGER

OGOS 2016

BAGAIMANA UNTUK MENJEJASKAN NARATIF ESKTREMIS GANAS DI ASIA TENGGARA

BUKU PANDUAN

SARA ZEIGER

Pandangan yang dinyatakan dalam kompendium ini ialah pendapat pengarang dan tidak semestinya menggambarkan pandangan Hedayah atau Kerajaan Australia.

© Hedayah, 2016
Hak cipta terpelihara.

Rekaan muka hadapan dan susun atur penerbitan oleh Iman Badwan.

MENGENAI KOMPENDIUM INI

Kompendium ini dihasilkan susulan daripada Sidang Kemuncak Serantau Australia bagi Membanteras Ekstremisme Ganas (CVE) yang diadakan di Sydney pada Jun 2015. Kompendium ini dan naratif balas yang dilampirkan (Lampiran 3) telah disediakan dan boleh diakses melalui Perpustakaan Naratif Balas Hedayah. Untuk maklumat lanjut atau akses ke koleksi naratif balas, sila hubungi cnlibrary.admin@hedayah.ae.

Hedayah amat berterima kasih kepada pihak Jabatan Peguam Negara Australia atas penajaan projek ini, yang merangkumi penghasilan kompendium dan sokongan tambahan bagi mengemaskini dan menambah baik Perpustakaan Naratif Balas Hedayah. Untuk maklumat lanjut tentang projek ini, sila rujuk Lampiran 1: Tentang Projek.

TENTANG PENULIS

Sara Zeiger merupakan Penganalisis Penyelidikan Kanan di Hedayah yang membantu Pengarah Penyelidikan dan Analisis untuk melaksanakan program seperti Program *Fellowship* dan Persidangan Tahunan Penyelidikan CVE Antarabangsa. Zeiger juga ialah editor bersama bagi sebuah penerbitan bertajuk *A Man's World? Exploring the Role of Women in Countering Terrorism and Violent Extremism* bersama-sama *Global Center on Cooperative Security*. Beliau merupakan pengantara di antara Hedayah dan *Global Counterterrorism Forum (GCTF)* yang membantu membangunkan dan mendraf dokumen rangka kerja *Abu Dhabi Memorandum on Good Practices for Education and CVE*. Beliau pernah berkhidmat sebagai perunding bagi Unit Strategi dan Pelaksanaan yang bertanggung jawab menubuh dan melancarkan Hedayah pada tahun 2012. Sebelum berpindah ke Emiriyah Arab Bersatu (UAE), beliau bertugas sebagai Pembantu Penyelidik di Pusat Pengajian Timur Tengah di Universiti Harvard. Beliau juga berkhidmat sebagai Felo Ketua Pengajian di Harvard *Extension School* sebagai tenaga pengajar kursus politik Timur Tengah. Zeiger memiliki ijazah Sarjana dalam Hubungan Antarabangsa dan Agama (dengan fokus pada Pengajian Keselamatan dan Islam) daripada Universiti Boston dan ijazah Sarjana Muda dalam Psikologi dan Agama daripada Universiti *Northern* Ohio.

Sebagai sebahagian daripada projek ini, Hedayah telah menganjurkan bengkel kerja di mana pakar-pakar terkemuka dari rantau Asia Tenggara, daripada kalangan ahli akademik, pengamal CVE dan pegawai kerajaan, telah berkumpul untuk membangunkan lampiran naratif balas dan kajian kes. Pakar-pakar tersebut turut membincangkan keberkesanan naratif balas yang dikenal pasti dan menyediakan input ke portal dalam talian dan koleksi yang diselia oleh Hedayah. Para pakar yang menghadiri bengkel kerja tersebut adalah seperti berikut:

Ustadz Esmael Ebrahim

Danathi Galapitage
Kedutaan Australia di Indonesia

Rozlan Giri
S.Rajaratnam School of International Studies

Michele Grossman
Victoria University

Elle Hendricks
Jabatan Peguam Negara, Australia

Abdulhusin Kashim
Damlag Council Inc.

Pham Trung Kien
Homeland Terrorism, Vietnam

Cemil Kilinc
Hedayah

Nava Nuraniyah
Institute for Policy Analysis of Conflict

Enda Nurdiana
The Wahid Institute

Amina Rasul
Phillipine Centre for Islam and Democracy

Fajar Riza al Haq
Maarif Institute

Ryan Rahardjo
Google Indonesia

Thomas Samuel
Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) Malaysia

Ahmad Suaedy
Abdurrahman Wahid Centre for Inter-Faith Dialogue and Peace

Papakorn Vorasathit
Office of the National Security Council, Thailand

Mark Whitechurch
Jabatan Peguam Negara, Australia

Sara Zeiger
Hedayah

Alamsyah
The Wahid Institute

PENGIKTIRAFAN

Sebagai tambahan bagi maklumat di atas, pengarang berterima kasih kepada Cemil Kilinc, Lilah El Sayed dan Carrisa Tehputri atas penyelidikan latar belakang, pendapat dan ulasan mereka. Pengarang juga berterima kasih kepada Pusat Pencegahan Ekstremisme Ganas di Jabatan Peguam Negara Australia atas panduan, pandangan dan perundingan daripada pihak mereka sepanjang tempoh projek ini. Hedayah ingin memanjangkan penghargaan kepada Suhailah Rosdi daripada Pusat Serantau Asia Tenggara bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) atas bantuannya dalam memastikan penterjemahan laporan ini kepada Bahasa Malaysia adalah tepat dan berkualiti.

PENGENALAN

Dengan peluasan wilayah oleh ad-Dawla al-Islamiyyah fi al-Iraq wa al-Sham (Daesh, atau "*Islamic State of Iraq and Sham*," ISIS) di Iraq dan Syria serta keupayaan mereka untuk merekrut individu supaya turut berjuang, keperluan untuk membangunkan strategi, dasar, program dan pendekatan yang lebih baik demi menentangi keganasan kini semakin relevan dan lebih mendesak. Pertubuhan antarabangsa dan kerajaan sedang bekerja-keras untuk menangani cabaran yang kompleks bagi merangka respons yang lebih baik dan teratur dalam menghadapi kumpulan seperti Daesh; serta menetapkan kaedah bagi mencegah radikalisasi dan pengambilan rekrut serta kemunculan ekstremisme dan terorisme yang baharu. Seperti yang terbukti melalui serangan di Jakarta, Indonesia pada Januari 2016, kesan tindakan ekstremis antarabangsa dan tempatan terhadap Asia Tenggara akan terus mempengaruhi rangka kerja keselamatan setiap negara dan rantau ini secara menyeluruh.

Kompendium ini bertujuan untuk menyediakan panduan dan pemahaman bagi para pengamal, penggubal dasar, pihak kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) di Asia Tenggara yang berminat untuk membangunkan naratif balas dan naratif alternatif terhadap mesej yang dihasilkan oleh ekstremis. Kompendium ini akan merujuk pada amalan baik dan pengajaran daripada peringkat antarabangsa, bagi memaklum dan memberi inspirasi kepada pengamal untuk mengguna pakai kaedah dan strategi yang paling berkesan.

Kompendium ini dimulakan dengan pendekatan langkah-demi-langkah untuk menghasilkan naratif balas berdasarkan contoh dari negara Asia Tenggara. Kemudian beberapa kajian kes diteliti dengan lebih mendalam dengan memberi penekanan terhadap unsur amalan baik dari rantau ini, disusuli dengan pembentangan lebih terperinci bagi 80 naratif balas di Lampiran 3.

Perlu ditekankan di sini bahawa naratif balas dan analisis susulan yang terkandung dalam laporan ini tertumpu pada ekstremisme ganas oleh kumpulan yang mendakwa mewakili Islam, memandangkan majoriti ancaman di Asia Tenggara adalah daripada kumpulan pengganas di bawah kategori ini. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna keganasan hanya terhad pada kategori tersebut kerana terdapat contoh keganasan lain yang tidak berkaitan dengan Islam. Bagi penilaian yang lebih menyeluruh tentang ancaman keganasan di rantau ini, sila rujuk Lampiran 2: Ekstremisme Ganas di Asia Tenggara.

Penetapan maksud bagi istilah yang diguna pakai dalam kompendium ini juga penting. Istilah "naratif" secara lazimnya merujuk pada pengisahan atau hujah ke arah ekstremisme ganas, manakala "naratif balas" pula umumnya merujuk pada pengisahan atau hujah balas yang digunakan untuk mengekang daya tarikan ke arah keganasan. Naratif balas juga meliputi argumen balas serta naratif positif, naratif alternatif dan komunikasi strategik kerajaan.

Kandungan di dalam kompendium ini bergantung pada beberapa sumber: 1) penyelidikan oleh pengarang mengenai penulisan akademik dan dasar; 2) bengkel pakar mengenai "Naratif Balas Asia Tenggara untuk Mencegah Ekstremisme Ganas (CVE)" dianjurkan oleh Hedayah dan *Jakarta Centre for Law Enforcement Cooperation* (JCLEC) di Semarang, Indonesia pada Mac 2016 dan laporan yang terhasil;[1] dan 3) proses perundingan mengenai draf kompendium bersama pakar serantau dan penggubal dasar dari Asia Tenggara.

[1] Bengkel Pakar di Semarang melibatkan 21 orang ahli akademik, penggubal dasar, pengamal perundangan, wakil persatuan sivil dan wakil sektor swasta dari rantau Asia Tenggara untuk membincang dan membahaskan naratif balas yang paling berkesan. Laporan mengenai Bengkel Pakar boleh didapati di sini: http://www.hedayah.ae/pdf/cn-se-asia.pdf.

APAKAH MAKSUD "MENENTANGI EKSTREMISME GANAS" (CVE)?

Dalam spektrum antikeganasan, pendekatan untuk "menentangi ekstremisme ganas" (CVE) didefinisikan sebagai strategi, dasar dan program yang bersifat "lembut" atau "mencegah", di mana faktor "tolakan" dan "tarikan" radikalisasi dan pengambilan rekrut dikenal pasti dan diperdebat.

Bagi tujuan kompendium ini, CVE dihuraikan sebagai strategi pencegahan jangka panjang dalam menangani potensi faktor ekonomi sosial dan politik makro; dan intervensi yang direka khas untuk disasarkan kepada individu dan masyarakat (termasuk kaunseling psiko-sosial bagi individu berisiko serta tahanan).

MEMBANGUNKAN NARATIF BALAS

Terdapat beberapa langkah utama dalam membangunkan naratif balas untuk menentangi ekstremis ganas:

1. MENILAI FAKTOR TOLAKAN DAN TARIKAN YANG RELEVAN
2. MENGENAL PASTI KUMPULAN SASARAN
3. MENGENAL PASTI NARATIF EKSTREMIS YANG TERSURAT ATAU TERSIRAT
4. MENETAPKAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF YANG JELAS BAGI NARATIF BALAS
5. MENENTUKAN PENGUTUS MESEJ YANG BERKESAN
6. MENGENAL PASTI MEDIUM PENYEBARAN MESEJ
7. MEMBANGUNKAN KANDUNGAN DAN MENERAPKAN LOGIK DI DALAM MESEJ
8. MEWUJUDKAN STRATEGI PENYEBARAN
9. MENILAI DAN MENGUKUR KEBERKESANAN NARATIF BALAS DAN MEMBUAT PINDAAN YANG BERSESUAIAN DEMI PENGUTUSAN YANG BERKESAN

1 MENILAI FAKTOR TOLAKAN DAN TARIKAN YANG RELEVAN

Seperti juga mana-mana strategi, dasar atau program CVE yang berkesan, langkah pertama yang perlu diambil sebelum respons naratif balas dibangunkan ialah menjalankan penilaian asas terhadap ancaman serta pemandu utama radikalisasi dan pengambilan rekrut di peringkat tempatan. Faktor tolakan merujuk pada rungutan sosio-ekonomi (sama ada sebenar atau tanggapan) yang berkait dengan kuasa atau tekanan luar ke atas individu, contohnya ketegangan etnik, kekurangan peluang ekonomi, pengangguran, pendidikan yang rendah atau tindakan kerajaan dan ketenteraan. Faktor tarikan pula merujuk pada faktor psiko-sosial yang menarik seseorang individu ke arah keganasan, misalnya ideologi, rasa tujuan (*sense of purpose*), keinginan menjadi wira dan insentif ekonomi. Berdasarkan pada perbincangan dan hasil daripada bengkel kerja di Semarang, terdapat beberapa persamaan faktor tolakan dan tarikan yang dikenal pasti di Asia Tenggara, seperti di bawah:

FAKTOR TOLAKAN	FAKTOR TARIKAN
• Islamofobia • Ucapan benci • Kekurangan pendemokrasian • Kekurangan pendidikan dan kemahiran berfikir secara kritikal • Peminggiran etnik dan agama dan tiada tolak ansur • Kemiskinan • Operasi ketenteraan oleh kerajaan Barat di Afghanistan dan Iraq • Perasaan ditindas dan trauma sekunder berpunca daripada penderitaan umat Islam di luar rantau Asia Tenggara (Contoh: penduduk Palestin, pelarian Syria) • Sistem keadilan yang lemah • Keganasan dalam masyarakat	• Identiti politik • Identiti kebudayaan dan keagamaan • Pengaruh media • Perasaan ditindas • Insentif kewangan • Mengidealkan bekas pejuang daripada konflik Afghanistan dan konflik lain • Harapan untuk mengecapi "Islam sejati" • Pengembaraan • Perasaan berkuasa • Peluang untuk berubah dan membuat perubahan bagi komuniti masing-masing

Rajah 1: Faktor tolakan dan tarikan di Asia Tenggara[2]

Pelaksanaan penilaian perlu dibuat ke atas faktor tolakan dan tarikan terlebih dahulu, sebelum penetapan dibuat terhadap audiens sasaran, pengisian, pengutus atau medium yang relevan bagi pengutusan mesej. Terdapat dua sebab mengapa ini penting. Pertama, pengenalpastian faktor tolakan atau tarikan akan membantu untuk mengelakkan kepincangan andaian mengenai kumpulan yang paling "terdedah" dengan risiko. Kedua, penilaian ini akan menghalakan pembina naratif balas ke arah audiens sasaran yang paling mendapat impak daripada naratif balas atau alternatif. Faktor tolakan dan tarikan juga mempengaruhi kandungan naratif balas dan pengutus mesej. Contohnya, jika faktor tolakan utama ialah operasi ketenteraan oleh kerajaan Barat, maka tentera Barat mungkin bukan pengutus yang paling berkesan untuk audiens sasaran tersebut.

[2] Sumber diambil daripada Sara Zeiger, *Counter-Narratives for Countering Violent Extremism (CVE) in South East Asia* (Abu Dhabi: Hedayah, 2016), http://www.hedayah.ae/pdf/cn-se-asia.pdf.

2 MENGENAL PASTI AUDIENS SASARAN

Penetapan audiens sasaran adalah salah satu komponen paling utama dalam membina naratif balas. Malah, usaha untuk mewujudkan naratif balas tanpa berpandukan audiens sasaran "akan menggagalkan keberkesanan pengutusan dan mungkin akan memakan diri."[3] Audiens sasaran juga akan membantu menetapkan objektif mesej serta menilai sama ada mesej tersebut berjaya atau sebaliknya. Perlu diambil maklum jua bahawa apabila audiens sasaran juga merupakan pengaruh utama (*key influencer*) (lihat rajah di bawah), mereka memainkan peranan penting dalam mempromosi dan menyebar luas mesej agar mencapai individu yang lebih cenderung untuk direkrut dan diradikalisasi oleh kumpulan pengganas.

Penilaian asas bagi audiens sasaran tempatan secara idealnya merangkumi data mengenai usia, jantina, kaum, kepentingan komuniti dan jenis interaksi sosial di dalam talian dan luar talian. Audiens sasaran juga boleh dinilai berdasarkan mesej yang disambut baik di dalam komuniti, juga bahasa yang digunakan untuk komunikasi utama di dalam komuniti (atau sub-komuniti) tersebut. Walaupun tidak banyak penyelidikan telah dibuat mengenai keberkesanan mesej terhadap populasi secara umum. Namun, data daripada penyelidikan pasaran sedia ada yang dilakukan untuk tujuan lain (contohnya, daripada syarikat teknologi yang menyasarkan golongan belia) mungkin boleh dijadikan rujukan. Platform media sosial juga kadangkala menyediakan data sedemikian kepada umum dan pembina naratif balas boleh bekerjasama dengan syarikat teknologi serta media sosial untuk mendapatkan agregat data yang diperlukan bagi rantau (atau sub-rantau) tertentu. Sekiranya tiada data penilaian asas, kaji selidik melalui telefon juga boleh dipertimbang atau soal selidik terhadap kumpulan kecil boleh dijalankan untuk mengetahui terimaan oleh audiens sasaran terhadap mesej tertentu.

Audiens sasaran yang dipilih mungkin berada dalam satu atau lebih kategori berikut:

[3] William D. Casebeer and James A. Russell, "Storytelling and Terrorism: Towards a Comprehensive 'Counter-Narrative Strategy,'" Strategic Insights 4, no.3 (March 2005), http://www.au.af.mil/au/awc/awcgate/nps/casebeer_mar05.pdf, p. 7.

2 MENGENAL PASTI AUDIENS SASARAN

POPULASI UMUM

Naratif balas yang disasar kepada populasi umum mungkin menekankan prinsip "solidariti, persamaan tujuan dan nilai bersama"[4] atau menggalakkan majoriti yang senyap (*silent majority*) untuk memainkan peranan lebih aktif dalam mencegah penyebaran naratif pengganas. Ini juga mungkin meliputi sub-populasi seperti golongan belia.

PENGARUH UTAMA

Pengaruh utama (*key influencer*) bagi kumpulan yang mudah dipengaruhi mungkin termasuk para guru, ahli keluarga, pegawai kesihatan atau pegawai polis. Mesej yang disasarkan kepada kumpulan ini mungkin tertumpu pada penyediaan sumber dan maklumat yang kemudian boleh dimajukan kepada audiens sasaran utama, iaitu mereka yang terjebak ke arah radikalisasi dan direkrut.

PIHAK YANG BERSIMPATI DENGAN IDEA PENGGANAS

Kategori ini termasuk individu yang mudah dipengaruhi dan terbuka atau bersimpati dengan mesej pengganas. Kategori ini juga termasuk mereka yang menyokong secara pasif atau mengizinkan kandungan ekstremis menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka. Mereka mungkin tidak berinteraksi secara aktif dengan mesej ekstremis, tetapi membenarkan mesej tersebut menjadi sebahagian daripada komuniti mereka.

PEMBELA EKSTREMISME GANAS

Kategori ini termasuk mereka yang terlibat secara aktif dalam pengutusan mesej pengganas tetapi bukannya sebahagian daripada kumpulan tersebut. Ini mungkin termasuk mengagung-agungkan naratif organisasi pengganas, atau berhubung secara langsung bersama pihak pengganas, dengan niat untuk bertindak, menyertai atau menyokong penglibatan orang lain secara aktif.

PELAKU EKSTREMISME GANAS

Individu ini terlibat secara aktif dalam ekstremis ganas atau menggalakkan orang lain untuk menyertainya.

[4] Rachel Briggs and Sebastien Feve, Review of Programs to Counter Narratives of Violent Extremism, (London: Institute for Strategic Dialogue, 2013), https://www.counterextremism.org/download_file/117/134/444/, p. 18.

3 MENGENAL PASTI NARATIF PENGGANAS YANG TERSIRAT ATAU TERSURAT YANG SEDANG DITENTANG

Dari sudut amalan baik antarabangsa, salah satu daripada saranan utama untuk membina naratif balas yang berkesan adalah agar pembina naratif balas turut mendalami naratif pengganas itu sendiri.[5] Dalam hal ini, kajian perlu dibuat terhadap jenis naratif yang diguna pakai oleh ekstremis ganas dan pengutus mereka agar hujah balas atau naratif alternatif yang bersesuaian dan tepat dapat dirangka. Selain itu, logik aliran atau struktur bagi naratif juga perlu diberi penekanan supaya hujah utama yang diguna pakai oleh ekstremis ganas dapat dikenal pasti. Akhir sekali, potensi kelemahan dalam naratif ekstremis juga harus dikenal pasti agar ia boleh dieksploitasi di dalam penyediaan naratif balas.

Jenis Naratif yang Digunakan oleh Ekstremis ganas

Untuk radikalisasi dan pengambilan rekrut di Asia Tenggara, jenis naratif yang paling lazim digunakan oleh ekstremis ganas adalah:

Naratif Keagamaan atau Ideologi

Jenis naratif ini menggunakan konsep ideologi atau elemen keagamaan bagi mewajarkan matlamat akhir organisasi pengganas serta penggunaan keganasan untuk mencapai matlamat tersebut.[6] Komponen naratif keagamaan mengaitkan aspek agama bagi mensahihkan hujah, seterusnya mengukuhkan lagi keyakinan pihak penerima naratif. Naratif moral turut termasuk di bawah kategori ini, contohnya hujah di mana pihak Barat adalah korup dan satu-satunya jalan yang benar adalah menerusi Islam.[7]

Naratif keagamaan atau ideologi mungkin jenis naratif paling lazim diguna pakai dalam konteks Asia Tenggara. Menurut satu laporan tentang radikalisasi melalui Internet di Asia Tenggara, laman web berbahasa Indonesia dan Melayu yang menyebarkan bahan mengenai Jemaah Islamiyyah (JI) dan Al-Qaeda lazimnya menggunakan "ayat Al-Quran yang dipilih dengan teliti beserta artikel akademik dan laporan berita... membawa mesej yang berkisar tentang masyarakat Islam sedunia sebagai mangsa serangan dan mewajarkan keperluan untuk menyerang balas."[8] Begitu juga Majlis Syura Mujahidin di Thailand yang menggunakan platform media dalam taliannya, Khattab Media Publication, untuk menterjemah pandangan keagamaan Abdullah Azzam (ulama Palestin di sebalik Al Qaeda) dan

---

[5] Alex P. Schmid, Al Qaeda's "Single Narrative" and Attempts to Develop Counter-Narratives (The Hague: International Centre for Counter-Terrorism, 2014), http://www.icct.nl/download/file/Schmid-Al-Qaeda's-Single-Narrative-and-Attempts-to-Develop-Counter-Narratives-January-2014.pdf; Hedayah and the International Centre for Counter-Terrorism—the Hague, Developing Effective Counter-Narrative Frameworks for Countering Violent Extremism (CVE) (Abu Dhabi: Hedayah and ICCT, 2014), http://www.hedayah.ae/pdf/developing-effective-counter-narrative-frameworks-for-countering-violent-extremism.pdf.

[6] Hedayah and the International Centre for Counter-Terrorism—the Hague, Developing Effective Counter-Narrative Frameworks for Countering Violent Extremism (CVE), http://www.icct.nl/download/file/ICCT-Gunaratna-Hennessy-Through-the-Militant-Lens-June-2012.pdf; Kuman Ramakrishna, It's the Story, Stupid: Developing a Counter-Strategy for Neutralizing Radical Islamism in South East Asia, (London: Defense Academy of the United Kingdom, Research and Assessment Group, 2005).

[7] Kessels, Countering Violent Extremist Narratives.

[8] Bergin, Anthony, Sulastri Bte Osman, Carl Ungerer and Nur Azlin Mohamed Yasin, Countering internet radicalisation in South East Asia (Barton: Australian Strategic Policy Institute, 2009), https://www.aspi.org.au/publications/special-report-issue-22-countering-internet-radicalisation-in-southeast-asia/9_22_46_AM_SR22_Countering_internet_radicalisation.pdf, pp. 6-7.

telah menyumbang pada penyebaran luas justifikasi dari sudut agama untuk keganasan dan kekejaman, kepada komuniti berbahasa Melayu.[9]

Terdapat dua naratif utama agama yang diguna pakai oleh ekstremis ganas secara khusus bagi Asia Tenggara. Setiap satunya dijelaskan di bawah, diikuti dengan contoh dari rantau tersebut.

1. **Konsep jihad sebagai satu keperluan yang dikaitkan dengan keganasan*, fard al-ayn.***
   Konsep ini sering dipadankan dengan tema mangsa yang mana umat Islam menjadi korban "peperangan global terhadap Islam."[10] Menurut ekstremis ganas, jihad adalah satu keperluan dan perjuangan wajib untuk mempertahan umat Islam yang lain daripada ketidak adilan. Sebagai contoh, Ali Imron (bekas ahli JI), menyatakan dalam memoirnya bahawa naratif yang paling berkesan adalah yang menyentuh tentang tuntutan agama dan yang menyatakan jihad semestinya bersifat ganas.[11] Selain itu, naratif Daesh juga menekankan bahawa penyertaan umat Islam di dalam perang jihad adalah tanggungjawab sivik dan individu.[12] Apabila melibatkan naratif Daesh, tema lazim yang lain adalah penekanan terhadap kejayaan atau kemenangan kempen perang sebagai bukti "pemberontakan sahih yang suci."[13]

2. **Konsep *al-wala wa'l-bara,* mempolarisasi dunia di antara umat Islam dan bukan Islam**
   Konsep ini berkait rapat dengan idea mengenai takfir, atau mengisytiharkan seseorang sebagai "murtad" atau bukan Islam. Sebagai contoh, menurut memoir Imron, serangan Bali telah "disasarkan kepada golongan yang ingkar dan kafir, supaya mereka menghentikan tabiat buruk dan tidak merosakkan moral manusia."[14] Melalui kaedah yang sama, naratif Daesh menekankan keruncingan situasi di Syria dan Iraq dengan mendakwa bahawa umat Islam sedang dibunuh, dan tentera salib, bangsa Yahudi, golongan kuffar (tidak beragama) dan rafida (golongan Shi'a yang dianggap murtad) serta "rejim boneka mereka yang zalim" perlu disalahkan.[15] Begitu juga saudara lelaki pengasas[16] Kumpulan Abu Sayef (ASG) di Filipina, Qadhafy Janjalani, yang merujuk pada Surah At-Tawbah (29) dan Surah Al-Anfal (39) untuk mewajarkan konsep jihad keganasan, termasuk menentang bukan Islam, mereka yang "mengaku Islam" serta orang awam.[17]

---

[9] Bergin et. al, Countering internet radicalization in South East Asia.

[10] Charlie Winter, The Virtual 'Caliphate'" Understanding Islamic State's Propaganda Strategy (London: Quilliam Foundation, 2015), http://www.quilliamfoundation.org/wp/wp-content/uploads/2015/10/FINAL-documenting-the-virtual-caliphate.pdf, p. 24.

[11] Sim, Countering Violent Extremism: Leveraging Terrorist Dropouts to Counter Violent Extremism in South East Asia, Annex A, p. 5.

[12] Alberto M. Fernandez, Here to stay and growing: Combating ISIS propaganda networks, (Washington, D.C.: The Brookings Institution, 2015), http://www.brookings.edu/~/media/research/files/papers/2015/10/combating-isis-propaganda-fernandez/is-propaganda_web_english.pdf, p. 11.

[13] Ibid., p. 12

[14] Sim, Countering Violent Extremism: Leveraging Terrorist Dropouts to Counter Violent Extremism in South East Asia, Annex A, p. 5.

[15] Fernandez, Here to stay and growing.

[16] The founder of ASG is Abubakar Janjalani.

[17] Rommel C. Banlaoi, Al-Harakatul Al Silamiyyah: Essays on the Abu Sayyaf Group, (Manilla: Philippine Institute for Peace, Violence and Terrorism Research, 2012), p. 121

Naratif Politik

Naratif politik mengandungi unsur objektif politik seperti perubahan kerajaan, struktur negara baharu atau institusi sistem perundangan baharu.[18] Dalam sesetengah situasi, naratif politik juga boleh digandingkan dengan naratif agama untuk memberi pengukuhan terhadap objektif politik dengan berlandaskan kewibawaan agama.

Salah satu naratif utama pengganas di Asia Tenggara ialah dengan menggabung jalin pembangunan politik sebuah "negara" dengan kuasa keagamaan, dalam cubaannya untuk mengukuhkan kepercayaan. Hal ini juga kadangkala digandingkan dengan aspirasi penguasaan jajahan. Pihak JI menekankan bahawa matlamat utama mereka adalah untuk mewujudkan rantau *Dawla Islamiyah* (negara Islam) yang merangkumi kesatuan agama, politik dan ketenteraan. Untuk mencapai matlamat ini, JI berpendapat bahawa terdapat keperluan bagi seorang Muslim untuk menjadi sebahagian daripada kumpulan (Al Jamaah) agar menjadi "pelopor dalam penubuhan negara Islam."[19]

Walaupun rangkaian JI telah susut secara mendadak sejak sedekad lalu, individu dan rangkaian yang pernah terjebak dengan JI mungkin tertarik dengan aspirasi politik Daesh jika mereka berpandangan penubuhan Khilafah (*caliphate*) adalah satu langkah yang sah. Sebagai contoh, sepertimana yang terjadi dengan kumpulan Mujahidin Indonesia Timur (MIT) di Indonesia yang diketuai oleh Santoso, yang telah menyatakan sumpah setia kepada Daesh pada Julai 2014.[20] Kumpulan ini mendakwa ia mengawal kawasan kecil di Poso, iaitu lokasi bersejarah bagi konflik antara pihak berkuasa Indonesia dan sekutu JI tempatan, dan seterusnya menjadikan "Poso sebagai pusat simbolik penyokong ISIS di Indonesia."[21]

Naratif Daesh mendakwa ia adalah lambang organisasi keagamaan yang sejati berdasarkan kesegeraannya dalam membangunkan *Khilafah* dan melaksanakan Syariah.[22] Naratif Daesh turut memberi gambaran kehidupan di Khilafah adalah syurga dunia dengan menunjukkan kemampuan Daesh untuk mengawal jajahan, menyediakan akses air dan elektrik, menyediakan infrastruktur yang selamat dan memberikan pendidikan kepada "warganya." Menurut Charlie Winter, lebih daripada 50% naratif Daesh menggembar-gemburkan gambaran kehidupan utopia di *Khilafah*.[23] Taktik ini telah digunakan oleh Daesh untuk menarik para rekrut dari Asia Tenggara. Contohnya, video yang bertajuk Cahaya Tarbiyah di Bumi Khilafah menunjukkan kanak-kanak yang berbahasa Melayu, mengaji al-Quran, bersembahyang, belajar di sekolah dan berlatih dengan senjata. Video sebegini cuba untuk memberi penekanan terhadap kemampuan mereka untuk menampung generasi yang akan datang di kawasan yang dikuasai oleh Daesh.[24]

---

[18] See Gunaratna and Hennessy, Through the Militant Lens; Ramakrishna, It's the Story, Stupid; Sim, Countering Violent Extremism: Leveraging Terrorist Dropouts to Counter Violent Extremism in South East Asia; Ashour, "Online De-Radicalization?"; Kessels, Countering Violent Extremist Narratives.

[19] Ramakrishna, It's the Story, Stupid, p. 17.

[20] Robi Sugara,"Santoso: The Terrorist Leader from Nowhere," *Counter Terrorist Trends and Analysis* 6, no. 10 (November 2014): 23-26.

[21] Institute for Policy Analysis of Conflict, Online Activism and Social Media Usage among Indonesian Extremists (Jakarta: IPAC, 2015), http://file.understandingconflict.org/file/2015/10/IPAC_24_Online_Activism_Social_Media.pdf, p. 15.

[22] Fernandez, Here to stay and growing.

[23] Winter, Documenting the Virtual 'Caliphate' (London: Quilliam Foundation, 2015), http://www.quilliamfoundation.org/wp/wp-content/uploads/publications/free/documenting-the-virtual-caliphate.pdf.

[24] A. Chan, "The Call of ISIS: The medium and the message attracting South East Asians," Counter Terrorist Trends and Analysis 7, no. 4 (2015): 4–9; Z. Abuza, Z. Joining the New Caravan: ISIS and the Regeneration of Terrorism in South East Asia (Washington, D.C.: Strategic Studies Institute, 2015), https://www.strategicstudiesinstitute.army.mil/index.cfm/articles/joining-the-new-caravan/2015/06/25.

Salah satu ciri istimewa Daesh ialah di mana naratif pengambilan rekrutnya menyeru supaya para pengikut membuat penghijrahan ke kawasan yang dikawalnya di Syria dan Iraq. Sebuah artikel dalam Isu 3 majalah Dabiq memberi nasihat kepada para pengembara (terutamanya pejuang asing) untuk tujuan ini:

> *Jangan risau tentang wang atau tempat tinggal untuk diri sendiri dan keluarga anda. Terdapat banyak rumah dan sumber bagi menampung anda dan keluarga. Sila ingat bahawa Khilafah merupakan negara yang penduduk dan tenteranya adalah manusia. Mereka bukan malaikat. Anda mungkin nampak perkara yang memerlukan penambah baikan dan yang sedang dibaiki.*[25]

Menurut Winter, naratif Daesh juga mengandungi tema belas kasihan di mana Daesh bersedia untuk "memaafkan hubungan terdahulu mana-mana individu, dengan syarat ia telah diputuskan sepenuhnya dan berjanji taat kepada 'Khalifah'."[26] Perkara ini juga merupakan elemen penting untuk membina negara bangsa di mana semua pihak dialu-alukan untuk menjadi sebahagian daripada "negara", asalkan janji sumpah setia diikrarkan.

Contoh akhir naratif politik adalah dakwaan oleh ekstremis bahawa pihak yang berkuasa telah melarang penganut Islam daripada mengamalkan agama mereka, maka ia tidak layak untuk mentadbir orang Islam. Misalnya, risalah daripada Mujahidin Indonesia Timur (MIT) dari Indonesia telah mendakwa bahawa pihak Amerika dan Zionis telah menghina Nabi, menyekat orang Islam daripada mendirikan solat, membunuh orang Islam semasa bersolat, mengaibkan wanita dalam penjara dan membahayakan kanak-kanak.[27] Begitu juga video Jund al-Khilafah dari Filipina yang menyatakan bahawa kerajaan Filipina telah menghalang kaum lelaki daripada membela janggut panjang dan kaum wanita daripada memakai tudung.[28] Naratif sebegini, walaupun menerapkan unsur agama, pada hakikatnya adalah bersifat politik kerana mencabar kredibiliti kerajaan yang memerintah dan mempersoal kuasa mereka untuk mentadbir.[29]

Naratif Sosial atau Wira (*Social or Heroic Narrative*)

Kategori naratif seterusnya yang digunakan oleh ekstremis ialah naratif sosial/ wira atau naratif sosio-psikologi. Naratif jenis ini memberi fokus pada pengagungan tindakan kejam, termasuk keganasan dan juga dalangnya. Naratif ini juga mengaitkan masing-masing secara langsung dengan rasa tidak puas hati (*grievances*).[30] Contoh naratif sosial/ wira ialah pandangan bahawa orang Islam sedang menderita di negara lain di dunia dan setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk melindungi saudara seagama daripada musibah. Pengebom JI, Umar Patek, menyatakan bahawa penderitaan orang Islam di Palestin, Bosnia dan Chechnya, Thailand dan Filipina, telah mendorongnya untuk menyertai JI. Rohan Gunaratna pula berpandangan bahawa umat Islam di Malaysia khususnya, akan lebih terkesan dengan ideologi keganasan yang dikaitkan dengan isu anta-

[25] "Advice for those Embarking Upon Hijrah," Dabiq, Issue 3 (A Call to Hijrah), Al Hayat Media Center, 2014, p. 33.

[26] Winter, The Virtual 'Caliphate', p. 24

[27] A.G. Ikhwan, Perangilah Mereka Dengan Segala Kekuatan (Fight Them with Any Strength) (Forum Islam Al-Busyro, Jihadology.net, 2015), https://azelin.files.wordpress.com/2015/04/gharc4abb-al-ikhwc481n-22ink-of-jihc481d-10-fight-them-with-any-strength22.pdf.

[28] See "Jund al-Khilafah in the Philippines—'Training Camp,'" (Jihadology.net, 2015), http://jihadology.net/2015/12/20/new-video-message-from-jund-al-khilafah-in-the-philippines-training-camp/.

[29] See Gunaratna and Hennessy, Through the Militant Lens; Sim, Countering Violent Extremism: Leveraging Terrorist Dropouts to Counter Violent Extremism in South East Asia; Kessels, Countering Violent Extremist Narratives.

[30] Ashour, "Online De-Radicalization?"

rabangsa berbanding domestik, kerana hakikatnya rakyat Malaysia berat hati untuk menyerang negara sendiri.[31] Sebagai contoh, naratif penganiayaan orang Islam di selatan Thailand merupakan faktor penarik dari konteks rakyat Malaysia. Daesh juga menggunakan naratif sosial dan wira bagi menggalakkan individu untuk menyertai perjuangan menentang Assad, sebagai kewajipan untuk mempertahan orang Islam daripada dibunuh rejim tersebut.

Naratif sebegini juga digandingkan dengan elemen tekanan sosial atau keinginan untuk turut serta mencapai kebaikan atau melaksanakan sesuatu yang memberi makna. Contohnya di Indonesia, Patek dan Imron dimotivasi oleh faktor sosial, iaitu tekanan untuk tidak mengecewakan ahli kumpulan lain sewaktu mendalangi pengeboman Bali, walaupun kedua-duanya kemudian menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan serangan tersebut kerana menyebabkan orang awam terbunuh.[32]

Naratif Ekonomi

Akhir sekali, walaupun naratif ini tidak digunakan secara meluas di Asia Tenggara, ialah naratif ekonomi.[33] Akhir sekali, walaupun naratif ini tidak digunakan secara meluas di Asia Tenggara, ialah naratif ekonomi."[34] Wang tunai dan akses mudah bekalan senjata iaitu "tarikan wang dan kuasa yang datang daripada muncung senapang", merupakan faktor motivasi bagi ahli ASG yang lain.[35] Pada sekitar tahun 2000, dasar penculikan untuk tebusan oleh ASG membantu mengukuhkan semula pegangan bahawa dengan menyertai ASG, isu ekonomi tidak lagi menjadi satu kebimbangan bagi ahli kumpulan.

---

[31] Rohan Gunaratna, "The Current and Emerging Extremist Threat in Malaysia," in Radical Islamic Ideology in South East Asia, (West Point: The Counter-Terrorism Center at West Point, 2009), https://www.ciaonet.org/attachments/14599/uploads.

[32] Gunaratna and Hennessy, Through the Militant Lens..

[33] Ramakrishna, It's the Story, Stupid.

[34] Banlaoi, p. 69.

[35] Banlaoi , pp. 92-93.

Logik Aliran dan Struktur Naratif Pengganas

Selain daripada kandungan naratif pengganas, penting juga untuk memahami logik aliran susunan naratif supaya rangka kerja yang lebih baik untuk naratif balas dan naratif alternatif dapat direka. Struktur asas naratif pengganas ialah:[36]

1. Terdapat ketidakadilan di dunia atau persamaan rungutan

Bagi al-Qaeda, ini bermaksud dunia Islam sedang berada dalam kucar-kacir disebabkan pakatan Zionis-Kristian dan pakatan ini bertanggungjawab atas semua penghinaan, diskriminasi dan layanan buruk terhadap umat Islam di seluruh dunia. Bagi Daesh, isu utama mereka di Syria dan Iraq ialah kerajaan pemerintah yang 'korup', walau bagaimanapun naratif tersebut sudah berkembang untuk merangkumi entiti Barat [cth. negara pakatan]. Dalam hal ini, naratif turut ditujukan kepada 'kambing hitam' atau musuh yang sama sebagai punca ketidakadilan di dunia. Sebagai contoh, yang dipersalah kadangkala ialah kerajaan setempat tetapi mungkin juga kerajaan Barat.

2. Terdapat alternatif pada ketidakadilan

Bagi al-Qaeda, ini bermaksud 'wawasan ke arah kebaikan di dalam masyarakat' melalui entiti politik tunggal yang menggantikan korupsi Barat [bakal Khalifah]. Bagi Daesh, ini adalah justifikasi untuk mewujudkan sistem Khalifah dengan membuat tuntutan terhadap kawasan di Syria dan Iraq. Dalam kedua-dua kes, alternatif bagi ketidakadilan ini ialah kekuasaan melalui agama (*divine authority*).

3. Terdapat keperluan untuk bertindak dan ia merupakan tuntutan terhadap semua Muslim

Bagi al-Qaeda, tindakan yang dimaksudkan termasuk penyertaan dalam serangan untuk menentang musuh yang sama [jauh dan dekat]. Bagi Daesh, hal ini merangkumi penyertaan dalam serangan pengganas dan juga pilihan untuk berhijrah ke tanah jajahan *Khilafa* dan turut serta sebagai 'warga' aktif atau pejuang aktif ke arah matlamat mereka.

4. Hanya keganasan yang mampu menghapuskan ketidakadilan dan satu-satunya respons yang berkesan

Bagi al-Qaeda, hal ini dilakukan melalui jihad perang yang diterajui oleh gerakan tersebut. Bagi Daesh, hal ini dicapai melalui penaklukan dan penguasaan jajahan di Syria dan Iraq serta tuntutan jajahan di tempat lain di dunia melalui sekutunya.

[36] Struktur asas daripada naratif keganasan yang digariskan dalam bahagian ini diambil daripada elemen-elemen Schmid, Al Qaeda's "Single Narrative," p. 6; Samuel, "Countering the Terrorist Narrative"; and Ramakrishna, It's the Story Stupid

Kesemua rangka kerja ini mempunyai persamaan nilai strategik terhadap naratif, iaitu mewujudkan sentimen polarisasi di antara kumpulan pengganas dan "musuh" sebagai asas matlamat ideologi/ politiknya. Ekstremis juga berhasrat untuk menghalalkan keganasan demi mencapai matlamat tersebut.

Kelemahan dalam Naratif Pengganas

Pembangunan naratif balas yang berkesan boleh dibantu dengan mengenal pasti kelemahan dalam naratif pengganas. Misalnya kelemahan naratif Daesh boleh dicabar dengan:

1. Menunjukkan kegagalan Daesh untuk menjamin keselamatan bagi orang yang berhijrah;
2. Menunjukkan bahawa cara tuntutan Daesh terhadap *Khilafah* adalah tidak sah;
3. Mempertikai dan mematahkan hujah agama oleh Daesh melalui sarjana Islam yang berwibawa;
4. Menekankan aspek bilangan orang Islam Sunni yang dibunuh oleh Daesh;
5. Menegaskan mengenai keganasan dan kekejaman yang dilakukan oleh Daesh;
6. Menyerlahkan sifat kepura-puraan (hipokrit) ahli Daesh di Syria dan Iraq.

4 MENETAPKAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF YANG JELAS BAGI NARATIF BALAS

Penetapan objektif naratif balas akan membantu untuk mengenal pasti kandungan yang betul dan menilai sama ada naratif balas tersebut berkesan atau sebaliknya. Beberapa matlamat dan objektif utama bagi naratif balas termasuklah:

Sebahagian daripada proses ini juga melibatkan penetapan sub-matlamat yang tepat dan membangunkan penunjuk utama untuk mengukur kejayaan.

Contoh penetapan matlamat bagi naratif balas digambarkan di bawah:

Kajian Kes: Blog Counterideology 2[37]

Blog ini mengandungi pelbagai penyelidikan seperti 1) penyangkalan ideologi al-Qaeda dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Indonesia; 2) penyelidikan dalam mencegah naratif ekstremis; 3) naratif khusus dalam mencabar ideologi pengebom Bali; 4) catatan blog dan pandangan yang menentangi naratif Al-Qaeda. Lihat rajah di halaman berikutnya yang menerangkan kajian kes untuk penetapan matlamat.

[37] "Counterideology 2." Counterideology 2. Accessed June 26, 2016. https://counterideology2.wordpress.com/.

PENETAPAN MATLAMAT: BLOG COUNTERIDEOLOGY 2

LANGKAH PERTAMA

NILAI FAKTOR TOLAKAN DAN TARIKAN

Faktor tolakan:

Ketidakadilan sosial. Persepsi bahawa negara Barat merupakan penyebab pada penderitaan Muslim

Faktor tarikan:

Tuntutan agama untuk memerangi kezaliman. Rasa tujuan (*sense of purpose*) ke arah sesuatu yang lebih bermakna.

LANGKAH KE-2:

KENAL PASTI KUMPULAN SASARAN

Pihak yang bersimpati dan menjustifikasi:

Pelajar peringkat universiti (umur 18-25)

LANGKAH KE-3:

KENAL PASTI NARATIF PENGGANAS YANG TERSIRAT ATAU TERSURAT YANG SEDANG DITENTANG

Naratif Agama/Ideologi:

Pelajar Indonesia perlu menyertai JI bagi memenuhi tuntutan agama. Sebagai sebahagian daripada operasinya, JI akan menghapuskan musuh (pengaruh Barat).

LANGKAH 4 TETAPKAN MATLAMAT & OBJEKTIF YANG JELAS BAGI NARATIF BALAS

MATLAMAT: Menyediakan bahan-bahan kepada pelajar untuk menyangkal naratif pengganas

OBJEKTIF SUB-MATLAMAT

MENINGKATKAN KESEDARAN	MEWUJUD KERAGUAN	MENYEDIAKAN MAKLUMAT
Meningkatkan kesedaran tentang al-Quran untuk menyangkal naratif yang mewajarkan keganasan. **PENUNJUK UTAMA:** Bilangan pelawat laman web; Bilangan naratif yang disediakan; Penilaian kualitatif terhadap komen/ reaksi di blog.	Mewujudkan keraguan bahawa naratif pengganas itu benar. **PENUNJUK UTAMA:** Penilaian kualitatif terhadap komen/ reaksi di blog.	Menyediakan maklumat bagi individu yang berminat secara aktif untuk menyangkal naratif pengganas. **PENUNJUK UTAMA:** Bilangan klik di pautan kit alat naratif balas; Mendapatkan maklum balas mengenai penggunaan maklumat di blog.

TIP #1
JANGAN LUPA PENGUTUSAN SECARA BERSEMUKA

Walaupun strategi dan kempen media massa memainkan peranan dalam naratif balas, pengutusan yang paling berpengaruh lazimnya menerapkan elemen perhubungan yang melibatkan emosi di peringkat individu.

Apabila merangka kempen, pembina naratif perlu memikirkan bagaimana pengutus boleh berhubung dengan audiens sasaran, atau bagaimana mesej boleh diperluas melalui hubungan bersemuka.

Perekrut ekstremis ganas juga menggunakan model yang sama iaitu menyebarkan mesej dan kempen dengan lebih meluas, disusuli dengan pengambilan rekrut yang disasarkan kepada individu tertentu sama ada di dalam mahupun di luar talian.

5 MENENTUKAN PENGUTUS YANG BERKESAN

Fasa selanjutnya dalam membangunkan naratif balas adalah untuk mengenal pasti pengutus mana yang paling diterima baik oleh audiens sasaran. Beberapa jenis pengutus telah dikenal pasti sebagai kunci untuk penyebaran mesej. Dalam setiap penerangan berikut, terdapat beberapa cadangan bagaimana pengutus tertentu boleh melaksanakan naratif balas di Asia Tenggara dengan paling berkesan.

Keluarga

Keluarga, termasuk ibu bapa, adik-beradik dan individu penting yang lain boleh menjadi pengaruh kuat dalam mencegah penyebaran naratif ekstremisme ganas serta melunturkan minat terhadapnya. Sebagai contoh, dalam konteks Indonesia dan Malaysia, telah menjadi fahaman umum bahawa persetujuan dan restu daripada ibu bapa, terutamanya ibu, perlu diperoleh sebelum seseorang boleh menyertai jihad atau ingin syahid. Peserta bengkel di Semarang yang dianjurkan oleh Hedayah dan JCLEC memetik satu ungkapan iaitu "syurga terletak di tapak kaki ibu", yang menandakan kuasa ibu terhadap anak mereka.[38] Dalam hal ini, larangan pemergian anak ke Iraq atau Syria mungkin menjadi satu kaedah bagi mencegah individu daripada menyertai Daesh, untuk sementara waktu.

Entiti Berpengaruh dalam Komuniti dan Pemimpin Keagamaan

Pertubuhan awam dan entiti yang berwibawa dalam komuniti boleh memberi kesan dan pengaruh di peringkat akar umbi dan kadangkala ia juga mungkin membawa mesej yang agak kontroversi untuk ditangani oleh kerajaan. Pertubuhan awam dan entiti yang berpengaruh dalam komuniti boleh membantu menjana kandungan secara organik dan menyebarkan mesej secara dalam talian dan luar talian. Pemimpin yang disegani atau ahli sukan ternama mungkin berguna dalam menyediakan naratif alternatif yang positif dan saluran luahan bagi kehampaan yang mungkin membawa kepada ekstremisme ganas.

Di Asia Tenggara, pemimpin agama mungkin penting kerana kedudukan unik mereka yang memiliki kuasa, kredibiliti, sumber daripada institusi dan hubungan bersama komuniti. Dari segi budaya, tokoh agama terkemuka sering dipandang tinggi oleh pengikut masing-masing dan pandangan yang diberikan oleh tokoh ini membawa kesan yang besar dalam komuniti. Bagaimanapun, satu daripada cabaran utama bagi naratif balas keagamaan adalah mengenal pasti tokoh agama yang sesuai dan mampu menyentuh audiens sasaran. Ini mungkin bermaksud pengutus yang dikenal pasti adalah seseorang yang berwibawa dengan pengaruh agama, tetapi tidak berada dalam struktur dan hierarki keagamaan tradisional. Sebagai contoh, pengutus rakan sebaya dengan sokongan daripada organisasi dan tokoh agama mungkin lebih berjaya dalam penyebaran mesej keagamaan berbanding pemimpin agama itu sendiri. Namun, penting untuk mengenal pasti pemimpin agama yang boleh memacu perbualan umum dan berbahas dalam isu ekstremisme keagamaan. Peserta bengkel di Semarang telah mengenal pasti beberapa tokoh utama dalam konteks Indonesia, termasuk Mohammad Quraish Shihab. Peserta lain mencadangkan bahawa tokoh politik yang memiliki kredibiliti dan pengaruh keagamaan di dalam komuniti tertentu juga boleh menjadi pengutus utama, termasuk bekas Presiden Indonesia Abdulrahman Wahid (Gus Dur) atau bekas Perdana Menteri Malaysia Abdullah Ahmad Badawi.

[38] Punca ungkapan ini adalah daripada Hadis. Lihat contoh dalam sumber berikut, Sunan An-Nasa'i 3104

Bekas Ekstremis ganas

Bekas ekstremis ganas boleh menjadi pengutus yang dipercayai untuk menyampaikan naratif balas. Kredibiliti mereka adalah daripada pengalaman masing-masing yang pernah menjadi sebahagian daripada kumpulan ekstremis ganas, manakala kekecewaan sewaktu masih bersama kumpulan tersebut boleh dijadikan model kepada yang lain untuk meninggalkan kumpulan. Bekas pengikut ekstremis boleh memahami dan bersimpati dengan individu yang cenderung dengan ideologi keganasan kerana mereka juga pernah melalui proses yang sama. Tambahan lagi, bekas ekstremis boleh memberi pencerahan mengapa mereka memilih untuk meninggalkan keganasan dan menyebarkan mesej yang mungkin menggalakkan orang lain dalam situasi yang sama.

Satu laporan oleh *International Centre for the Study of Radicalisation and Political Violence* (ICSR) memberikan beberapa sebab mengapa bekas ekstremis ganas boleh menjadi pengutus yang dipercayai, terutamanya menentang Daesh. Sebab-sebabnya termasuklah kerana mereka:

1. Mencalarkan imej kesatuan dan keazaman kumpulan ekstremis ganas;
2. Menunjukkan percanggahan dalam kumpulan, hipokrit dan janji palsu;
3. Menggalakkan ahli untuk meninggalkan kumpulan; dan
4. Menghalang orang lain daripada menyertai kumpulan.[39]

Di Asia Tenggara, bekas ekstremis ganas, terutamanya mereka yang pernah ke zon konflik (cth. Afghanistan, Syria), akan memanfaatkan "kredibiliti jalanan" mereka apabila di kalangan populasi yang mudah terpengaruh. Di Indonesia dan Malaysia, naratif bekas pengikut JI telah diterapkan ke dalam program sekolah menengah dan universiti kerana bekas pengikut ini dapat memberi sebab yang terbaik, berdasarkan pengalaman mereka sendiri, mengapa keganasan bukan alat yang berkesan untuk menangani kekecewaan dan ketidakadilan. Sebagai contoh, organisasi bukan kerajaan (NGO) *Aliansi Indonesia Damai* bekerjasama dengan bekas ekstremis ganas serta individu yang terselamat daripada serangan pengganas untuk berucap di sekolah menengah mengenai bahaya ekstremisme.[40]

Dari segi Daesh, bekas ekstremis ganas boleh memberikan naratif balas yang berfakta dan berkesan dengan mendedahkan hipokrisi dan realiti kehidupan di bawah pemerintahan organisasi tersebut di Syria dan Iraq. Dalam hal ini, bekas ekstremis yang pernah ke kawasan taklukan Daesh dan telah kembali, boleh membantu merosakkan persepsi dengan memberi keadaan sebenar kumpulan tersebut. Pendedahan yang dimaksudkan seperti dari segi tingkah laku agama, insentif kewangan dan keadaan hidup, dengan menggoyahkan tema "utopia" yang cuba diketengahkan oleh Daesh melalui strategi komunikasi mereka.

Walau bagaimanapun, pemilihan bekas ekstremis ganas perlu dibuat dengan berhati-hati sebelum dilibatkan dengan mana-mana kempen naratif balas. Pada masa yang sama, terdapat juga kekangan yang timbul apabila bekas ekstremis

---

[39] Peter Neumann, Victims, Perpetrators, *Assets: The Narratives of Islamic State Defectors* (London: International Centre for the Study of Radicalisation and Political Violence, 2015), http://icsr.info/2015/09/icsr-report-narratives-islamic-state-defectors/.

[40] Misalnya, tonton "Empowering Terrorism Victims in Indonesia," AIDA Foundation, https://www.youtube.com/watch?v=QDUUakk5ip4.

TIP #2
LINDUNGI PENGUTUS

Keselamatan fizikal para pengutus serta reputasi pengutus itu sendiri harus dipastikan dilindungi. Ini penting untuk memastikan mesej yang disampaikan boleh dipercayai, serta mengelakkan pengutus daripada menjadi sasaran langsung ekstremis ganas. Individu yang menjadi "wajah" penentangan ekstremisme ganas perlulah bersiap sedia untuk menghadapi tindak balas terhadap mereka kerana bersuara. Sebagai contoh, edisi April majalah Dabiq 2016 secara khusus menamakan sejumlah pemimpin dan tokoh agama dari Barat yang telah berucap menentang Daesh, sebagai sasaran akan datang. Dalam hal ini, kerajaan perlu memainkan peranan dengan membuktikan kesanggupan dan keupayaan mereka untuk melindungi keselamatan pihak-pihak yang mencabar tindakan ekstremisme ganas secara aktif.

ganas terlibat dalam naratif balas. Sebagai contoh, kerajaan mungkin teragak-agak untuk menggalakkan bekas ekstremis ini berbicara secara terbuka mengenai pengalaman mereka. Selain itu, jika disaring oleh kerajaan, kredibiliti bekas pengganas tersebut boleh terkesan kerana mungkin dianggap sebagai "pembelot" atau "pengkhianat" oleh kumpulan yang pernah mereka sertai.

Mangsa dan mereka yang terselamat

Mangsa dan individu yang terselamat daripada keganasan sering dirujuk sebagai pengutus yang boleh dipercayai. Ini kerana mereka mendedahkan impak sebenar keganasan dan kisah mereka akan menggoyahkan ekstremisme kerana memberi wajah pada kesan langsung keganasan.

Konsep "mangsa" dalam hal ini merangkumi apa yang diistilahkan oleh Alex Schmid sebagai mangsa primer (mereka yang tercedera daripada serangan atau operasi menentang keganasan) dan mangsa sekunder (ahli keluarga mangsa primer, mereka yang disenaraikan oleh organisasi pengganas sebagai sasaran, pemberi respons pertama yang mengalami trauma setelah memberi bantuan, individu yang mengalami kerugian pendapatan atau kerosakan harta benda, atau mereka yang mengalami perubahan gaya hidup disebabkan serangan pengganas).[41]

Penglibatan mangsa dan pihak yang terselamat daripada keganasan amat berkesan dalam kempen naratif balas apabila menceritakan kisah peribadi dan testimoni mereka. Dalam kempen naratif balas, mangsa/orang yang terselamat harus mengelak daripada memainkan peranan sebagai ulama atau pakar anti-keganasan, sebaliknya memberi tumpuan pada pemikiran, perasaan dan impak (fizikal dan emosi) yang dilaluinya.

Walaupun ahli keluarga ekstremis dan pengganas jarang dilihat sebagai mangsa, boleh dihujahkan juga bahawa ahli keluarga yang terlibat turut merasai emosi yang sama seperti mangsa keganasan. Tambahan lagi, kisah ahli keluarga ekstremis ganas juga pernah disampaikan bersekali dengan kisah seorang mangsa keganasan, dalam konteks untuk mencegah individu daripada diradikalisasi dan direkrut. Sebagai contoh, NGO *Sisters Against Violent Extremism* telah menghimpunkan bersama ibu kepada pengganas dan ibu mangsa serangan pengganas, untuk merangka pengisahan yang berkesan supaya tidak terlibat dalam keganasan.[42] Lazimnya kisah yang paling memberi impak terhadap penonton adalah yang disampaikan oleh rakyat tempatan yang terselamat. Bagaimanapun, kisah mangsa dari luar rantau (terutamanya dalam bentuk video) juga telah digunakan dan agak berjaya, contohnya di Indonesia dan Malaysia.

Kerajaan

Badan kerajaan juga berperanan untuk menghasilkan dan kadangkala menyokong naratif balas, terutamanya yang disasarkan kepada orang awam dan mengukuhkan nilai sosial atau moral yang dikongsi oleh masyarakat.

[41] Alex P. Schmid, Strengthening the Role of Victims and Incorporating Victims in Efforts to Counter Violent Extremism and Terrorism (The Hague: International Centre for Counter-Terrorism-the Hague, 2012), http://www.icct.nl/download/file/ICCT-Schmid-Strengthening-the-Role-of-Victims-August-2012.pdf.

[42] Lihat, sebagai contoh, "We Refuse to Hate: Mothers of 9/11," https://www.youtube.com/watch?v=fuUJSbqTdtA.

[43] Briggs and Feve, "Review of Programs to Counter Narratives of Violent Extremism," p. 8.

Rachel Briggs dan Sebastien Feve berpendapat bahawa terdapat batasan skop apabila kerajaan terlibat secara langsung dalam aktiviti naratif balas, namun terdapat bukti yang menunjukkan bahawa kerajaan lebih berkesan apabila ia memainkan peranan secara tidak langsung, seperti menyediakan tajaan.[43]

Bagaimanapun, kerajaan sering dilihat sebagai musuh oleh ekstremis ganas dan memiliki kredibiliti yang lemah sebagai pengutus daripada pandangan kumpulan sasar. Sebagai contoh, bagi pihak yang berasa dipinggir atau dilupakan oleh kerajaan atau masyarakat, naratif yang dihasilkan oleh Kerajaan mungkin tidak diterima pakai oleh kumpulan tersebut.

6 MEMBANGUNKAN KANDUNGAN DAN LOGIK MESEJ

Langkah seterusnya adalah untuk membangunkan kandungan dan logik mesej naratif balas. Berdasarkan pada semakan ke atas jenis dan struktur naratif ekstremis ganas di atas, pembangunan naratif balas (atau alternatif) boleh juga mencontohi struktur dan logik yang sama sepertinya. Pendekatan terbaik adalah dengan menggunakan mesej yang jelas dan ringkas dan bukannya hujah yang rumit dan kompleks. Bagaimanapun, terdapat ruang untuk membangunkan naratif balas secara inovatif, terutamanya bagi naratif alternatif dan positif. Jadual di bawah memperincikan amalan baik antarabangsa yang menekankan elemen utama bagi naratif balas, serta beberapa cadangan bagaimana naratif balas boleh digunakan dalam konteks Asia Tenggara.

NARATIF POSITIF/ ALTERNATIF (NARATIF AMAN)

Naratif ini merujuk pada membina kisah alternatif yang proaktif dan lebih menarik berbanding keganasan. Di Asia Tenggara, naratif antara agama (*interfaith*) dan antara kaum (*interethnic*) mungkin paling meyakinkan, disebabkan oleh kepelbagaian budaya, kaum dan agama di rantau ini. Di bawah merupakan beberapa contoh:

AUSTRALIA	*All Together Now*, sebuah badan kebajikan Australia yang bermatlamat untuk melenyapkan segala bentuk perkauman di Australia, telah mencipta kempen iklan dan hashtag untuk meningkatkan kesedaran terhadap perkauman dan mengecam ucapan benci. Kempen *#EraseRacism* telah menghasilkan video animasi pendek untuk menggalakkan orang ramai bersuara sekiranya mereka menyaksikan insiden perkauman. Video ini telah disebarkan di seluruh saluran media sosial serta dimainkan di skrin awam kepada orang ramai. Halaman Facebook *All Together Now* boleh diakses di sini: https://www.facebook.com/alltogethernow.org.au
THAILAND	Filem Latitude 6 telah dirakamkan di selatan Thailand sebagai sebuah kisah percintaan yang menggambarkan perbezaan dan persamaan di antara kumpulan minoriti Muslim di selatan dan masyarakat Thai di utara. Filem ini bertujuan untuk menggalakkan toleransi di antara kumpulan agama serta memberikan maklumat yang lebih tepat mengenai pemberontakan dan proses damai yang berlaku di sana. Sedutan filem dengan sari kata bahasa Inggeris Latitude 6 boleh didapati di sini: https://www.youtube.com/watch?v=Q40N0uxVvV0
INDONESIA	Satu contoh institusi yang menggalakkan Islam sebagai budaya sosio-agama di Indonesia ialah *The Wahid Institute*. Organisasi ini telah ditubuhkan untuk memajukan pembangunan sebuah masyarakat berbilang kaum dan bertoleransi di Indonesia, meningkatkan kebajikan bagi golongan miskin, membina demokrasi dan keadilan asasi serta mengembangkan nilai keamanan dan anti-keganasan di Indonesia dan serata dunia. *The Wahid Institute* menggalakkan Islam yang aman dan plural. Laman web Institut Wahid boleh diakses di sini: http://wahidinstitute.org/

TIP #3
MENYESUAIKAN NARATIF BALAS MENGIKUT KONTEKS DAN BUDAYA TEMPATAN[44]

Apabila merujuk pada konteks tempatan, Asia Tenggara merupakan pusat bagi pelbagai rantau, bandar raya dan kampung yang amat berbeza antara satu sama lain. Contoh perbezaan nuansa untuk penyelesaian di peringkat komuniti dapat dilihat berdasarkan respons terhadap sektarianisme, contohnya dengan menggunakan retorik anti-Shi'ah. Di Indonesia, pengerusi Nahdlatul Ulama (NU) telah menekankan kepada umum mengenai perpaduan dan toleransi di kalangan umat Islam, termasuk Ahmadiyyah dan Shi'a. Bagaimanapun, di peringkat tempatan di Indonesia, pemimpin agama jarang mengetengahkan hal ini dan sebaliknya mencanangkan retorik anti Shi'ah. Ini menunjukkan bahawa pertimbangan di peringkat tempatan adalah penting bagi merangka kandungan mesej.

[44] Sara Zeiger Counter-Narratives for Countering Violent Extremism (CVE) in South East Asia, (Abu Dhabi: Hedayah, 2016), http://www.hedayah.ae/pdf/cn-se-asia.pdf, p. 5.

NARATIF BALAS STRATEGIK

Naratif balas ini bertujuan untuk memberi makluman kepada khalayak umum atau orang ramai. Ini mungkin lebih berguna untuk kerajaan, organisasi antarabangsa atau perniagaan. Di bawah ialah satu contoh:

AUSTRALIA	Inisiatif Kerajaan Australia iaitu *Living Safe Together* menyediakan maklumat kepada masyarakat mengenai ekstremisme ganas serta usaha yang dijalankan di peringkat individu, komuniti dan kerajaan bagi mencegah dan menentangi ekstremisme ganas. Laman web tersebut menyediakan kit serta nasihat bagaimana untuk melibatkan diri dalam usaha CVE di Australia. http://www.livingsafetogether.gov.au/pages/home.aspx

NARATIF BALAS EMOSI DAN ETIKA

Naratif balas ini merungkaikan faktor "tarikan" seperti insentif emosi atau psikologi yang dianggap bermanfaat oleh individu yang menyertai organisasi ekstremis ganas. Contoh adalah seperti di bawah:

Hujah daripada bekas pengganas/ pejuang mungkin berkesan dalam mengatasi tarikan emosi dan psikologi, terutamanya bagi mereka yang menyertai untuk menangani ketidakpuasan hati (sebenar atau tanggapan), untuk mencapai sesuatu yang "lebih baik" atau untuk menjadi "wira." Temu bual bersama bekas ahli Daesh dari Indonesia mencalarkan kredibiliti Daesh dengan menyerlahkan isu korupsi di dalam kumpulan tersebut: http://m.news.viva.co.id/video/read/40891-inipengakuan-anggota-isis-selama-di-suriah	INDONESIA

MENDEDAHKAN MITOS DAN SALAH MAKLUMAT

Memaklumkan penonton dengan fakta yang lebih tepat, membongkar mitos dan memetik rujukan mengenai realiti kehidupan sebagai pengganas. Ini juga termasuk mendedahkan kelemahan kepimpinan pengganas atau kepura-puraan organisasi pengganas. Di bawah ialah beberapa contoh:

FILIPINA	Dalam sebuah video pengambilan rekrut berbahasa Tagalog pada 2015, mesej video daripada Jund al-Khilafah di "Kem Latihan" di Filipina, menyatakan bahawa kerajaan Filipina telah melarang umat Islam daripada mengamalkan agama mereka dengan melarang wanita daripada memakai niqab dan lelaki daripada memiliki jambang. Hujah dan kenyataan berdasarkan fakta dengan mudah dapat menyangkal hal ini, kerana tiada larangan terhadap identiti keagamaan sedemikian yang dikuat kuasakan di Filipina.
INDONESIA	Dalam satu temu bual bersama Mazlan, banduan yang juga bekas pengikut Daesh, beliau mendedahkan mengenai "realiti" menyertai dan meninggalkan Daesh. Mazlan menceritakan pengalamannya di Syria, yang pada awalnya direkrut untuk menjalankan tugas kemanusiaan dan dijanjikan ganjaran wang tunai. Bagaimanapun, setelah tiba di Syria, beliau menyedari bahawa wang yang dijanjikan tidak akan dibayar, sebaliknya telah diarah untuk melakukan kerja kasar untuk Daesh seperti memasak dan mengemas. http://www.straitstimes.com/asia/se-asia/recruit-promised-cash-to-do-humanitarian-work

[45] Lihat "Jund al-Khilafah in the Philippines—'Training Camp,'" (Jihadology.net, 2015), http://jihadology.net/2015/12/20/new-video-message-from-jund-al-khilafah-in-the-philippines-training-camp/.

TIP #4
PERTIMBANGKAN BAGAIMANA TINDAKAN KETENTERAAN DAN PENENTANGAN KEGANASAN MEMBERI KESAN TERHADAP STRATEGI NARATIF BALAS

Sebarang tindakan, terutamanya yang diambil oleh kerajaan, boleh membawa maksud yang signifikan dari segi pengukuhan atau pengubahan naratif balas. Oleh itu, bagaimana tindakan ketenteraan dan pencegahan keganasan akan memberi impak terhadap strategi naratif balas harus diambil kira.

NARATIF BALAS TAKTIKAL

Naratif balas ini menyangkal idea bahawa keganasan adalah satu-satunya cara atau cara paling berkesan untuk mencapai matlamat. Di bawah adalah satu contoh:

SINGAPURA	Dalam risalah *Religious Rehabilitation Group*, Singapura bertajuk "The Fallacies of the Islamic Caliphate," kandungan di halaman akhir menyenaraikan beberapa inisiatif di Singapura yang secara aktif menyokong usaha bantuan di Iraq dan Syria tanpa menggunakan kekerasan. Pendekatan ini mencabar idea bahawa tiada alternatif lain untuk menyokong pelarian Syria selain daripada keganasan. Risalah ini boleh diakses di halaman Facebook RRG: https://www.facebook.com/Religious-Rehabilitation-Group-RRG-218225878199660/ Salah satu daripada program alternatif yang menyediakan bantuan kepada pelarian Syria adalah melalui *Simply Islam*: http://www.simplyislam.sg/main/aid-to-syrian-refugees/

NARATIF BALAS JENAKA DAN SINDIRAN

Naratif balas ini mencabar naratif ektremisme ganas dengan mempersenda objektif, matlamat, taktik atau kepercayaan ekstremis. Di bawah ialah satu contoh:

Siri kartun Burka Avenger menggunakan jenaka untuk mencabar mesej utama ekstremis ganas di Pakistan. Dalam episod pertama rancangan ini, penjahat (Baba Bandook) cuba untuk menutup sekolah perempuan, salah satu mesej utama yang dicanang oleh ekstremis di negara tersebut. Wiranya (Burka Avenger) melawan penjahat menggunakan buku dan pen malah menggunakan akrobatik hebat untuk menumpaskan musuh dan membuka semula sekolah sebelum hujung minggu. Rancangan ini diselit dengan jenaka halus dan lucu, mempersenda penjahat serta krunya dan yang lebih strategik, usaha ekstremis ganas di negara tersebut. Episod pertama Burka Avenger boleh ditonton di sini: https://www.youtube.com/watch?v=XahbqLdCVhE	ANTARABANGSA (PAKISTAN)

NARATIF BALAS IDEOLOGI ATAU KEAGAMAAN

Naratif balas ini menyangkal dan mematahkan elemen keagamaan dan ideologi dalam naratif ekstremis dengan menggunakan teks agama dan tokoh keagamaan untuk menyangkal tuntutan mereka. Di bawah adalah satu contoh:

RANTAU	1. Mengukuhkan konsep jihad sebagai pergelutan dalaman ("jihad lebih besar" atau al-jihad al-akbar), bukan secara fizikal atau ganas. 2. Menekankan bahawa Islam bersifat toleransi dan terbuka kepada seluruh peringkat masyarakat, tanpa mengira kaum dan agama.

7 KENAL PASTI MEDIUM PENYEBARAN MESEJ

Apabila audiens sasaran, pengutus dan mesej telah ditentukan, langkah berikutnya adalah untuk mengenal pasti platform penyebaran mesej. Dalam hal ini, "penggunaan platform yang sama oleh kumpulan sasaran adalah wajar."[46] Beberapa platform yang sesuai adalah:

[46] Tim Stevens, "New Media and Counter-Narrative Strategies: Countering Violent Extremist Narratives," in Countering Violent Extremist Narratives, edited by Eelco Kessels, (The Hague : National Coordinator for Counterterrorism, 2010), p. 118

[47] Untuk mendapatkan gambaran keseluruhan mengenai platform media sosial yang paling popular di rantau Asia Pasifik, sila rujuk https://www.ag.gov.au/NationalSecurity/Counteringviolentextremism/CVE-Summit/Documents/Workshop-1-Working-with-social-media-We-Are-Social.PDF

Turut perlu diberi perhatian adalah kehadiran Daesh di Asia Tenggara melalui media sosial dan dalam talian. Dengan bilangan pengguna internet yang tinggi, kehadirannya di Asia Tenggara boleh dilihat pada sekurang-kurangnya 300 laman web dan forum ekstremis, serta lebih daripada 1000 pengguna Facebook yang terkait dengan Daesh.[48] Menurut *Institute for Policy Analysis and Conflict*, sebarang pergerakan ke Iraq dan Syria untuk menyertai Daesh perlu diperaku oleh perantara yang berada di lapangan dan media sosial mempermudah lagi urusan ini bagi individu dari Asia Tenggara.[49] Dalam hal ini, penting bagi naratif balas di Asia Tenggara untuk turut aktif di alam maya. Bagi panduan praktikal untuk mencipta kandungan dalam talian, sila lihat kit naratif balas di www.counternarratives.org.

Namun, walaupun tumpuan lebih kini diberikan pada pembangunan naratif balas melalui dalam talian dan media sosial, perlu juga dinyatakan di sini bahawa bukan semua audiens sasaran menggunakan platform tersebut. Oleh itu, media tradisional lain mungkin lebih berkesan untuk mencapai audiens sasaran yang tertentu.[50] Sebagai contoh, terdapat populasi luar bandar di kebanyakan kawasan di Indonesia, Filipina dan Malaysia yang tidak mempunyai akses internet yang konsisten. Dalam hal ini, pengajaran boleh diambil dari sesuatu yang dikenali sebagai "Sneakernet", yang memberi maksud ruang di antara hubungan dalam talian dan rangkaian luar talian.[51] Melalui "Sneakernet," internet masih mempunyai peranan dalam mempengaruhi rangkaian, tetapi perhubungan secara bersemuka dan interpersonal yang akan saling berinteraksi dan mengukuhkan lagi mesej yang bermula dari dalam talian. Sebagai contoh, di Afghanistan, SMS sangat memberi impak terhadap "Sneakernet" berbanding mesej dari "dalam talian". Dalam erti kata lain, terdapat banyak konteks di mana media tradisional seperti radio, TV, papan iklan, risalah/kertas sebaran dan kartun, masih boleh diguna pakai. Sepertimana yang terbukti melalui "Sneakernet", adalah penting bagi naratif balas untuk muncul berulang-kali merentasi beberapa platform supaya mesejnya saling diperkukuh berbanding mesej yang dihantar "sekali sahaja".

[48] Nur Azlin Mohamed Yasin, "Impact of ISIS' Online Campaign in South East Asia," Counter Terrorist Trends and Anaysis 7, no. 4 (May 2015), p. 27.

[49] IPAC, Online Activism and Social Media Usage.

[50] Stevens, "New Media and Counter-Narrative Strategies."

[51] E. Hu, Information Technology Strategies and Platforms Used by Islamic Extremist Groups and How to Counter Them: Fieldwork and Analysis on Lebanese Hezbollah Afghan Taliban and Daesh (Kabul: Impassion Group, 2016).

8 MEMBANGUNKAN STRATEGI PENYEBARAN

Langkah seterusnya bagi kempen naratif balas ialah merangka strategi penyebaran. Strategi ini hendaklah dirangka untuk menjawab soalan-soalan berikut:

Apakah garis masa kempen anda
Mengapa ini penting untuk audiens sasaran ?

Sekiranya kempen anda meliputi penyebaran melalui pelbagai platform, **bilakah** elemen-elemen berbeza akan dihebahkan ?

Bagaimanakah elemen di seluruh
disesuaikan untuk mencipta mesej yang padu ?

Untuk kempen media sosial, **adakah** kata kunci, *hashtag* dan/atau cogankata mesej menarik ?
Adakah ia menyokong elemen utama mesej

Bagaimana audiens sasaran boleh berinteraksi dengan mesej
Bagaimana audiens sasaran boleh berinteraksi dengan pengutus ?

Jika terdapat seruan untuk bertindak, **bagaimanakah** audiens sasaran boleh mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai tindakan yang dicadangkan ?
Adakah nombor, e-mel atau kaedah untuk dihubungi disediakan

9 MENGUKUR IMPAK DAN MENILAI SEMULA NARATIF BALAS ANDA

Untuk memastikan kemampanan sesebuah kempen, pelaksanaan penilaian terhadap kesan naratif balas adalah mustahak.

Komponen asas bagi pengukuran impak bergantung pada matlamat dan objektif yang telah dikenal pasti dalam Langkah 4. Bagi matlamat dan objektif ini, prestasi naratif harus diukur berdasarkan sasaran (cth. penunjuk pretasi utama) dan jika terdapat keperluan, mekanisme pengutusan juga perlu disemak. Beberapa penunjuk bagi impak kempen naratif balas termasuk:

1. Statistik media sosial yang meliputi pengikut, suka (*likes*), Tweet dan Retweet, sebutan, interaksi, klik dll.
2. Kekerapan perkongsian pautan atau naratif melalui media sosial;
3. Kekerapan kaedah perhubungan (e-mel, telefon dll.) diguna pakai untuk mendapatkan tindakan selanjutnya;
4. Penilaian kualitatif terhadap interaksi atau komen yang dibuat ke atas naratif, melalui pelbagai platform (maklum balas tidak diminta). Penilaian kualitatif terhadap kandungan atau pengutus berdasarkan maklum balas yang diminta (tinjauan, kumpulan fokus dan lain-lain)

TIP #5
HARUS FLEKSIBEL, BOLEH MENYESUAIKAN DIRI DAN KREATIF DALAM MENJANA DAN MENGOLAH SEMULA KANDUNGAN NARATIF BALAS

Naratif ekstremis sentiasa berubah dan disesuaikan dengan perkembangan dan maklumat terkini. Oleh itu, naratif balas juga harus mengambil pendekatan yang sama; "Kita perlu mewujudkan naratif hebat yang boleh diubah suai dan fleksibel, protagonis dan antagonis yang boleh diubah, jalan cerita asas yang boleh dipinda, serta titik kesimpulan yang boleh dianjak."[52] Dalam hal ini, penilaian berkala terhadap impak kempen naratif balas boleh membantu untuk membentuk dan menyesuaikan mesej dengan audiens sasaran, atau mengubah kempen melalui cara yang menjadikannya lebih berkesan.

Dalam hal ini juga, pengajaran harus diambil daripada kempen naratif balas yang wujud secara organik. Sebagai contoh, kempen #illridewithyou di Twitter terhasil daripada niat murni seorang warga Australia yang menawarkan diri untuk menemani seorang wanita Islam yang berasa didiskriminasi selepas insiden penawanan di Sydney. *Hashtag* ini seterusnya menular apabila seorang pengguna Twitter yang juga seorang penulis TV tempatan, menghantar Tweet jadual bas beliau dan menawarkan diri untuk menaiki bas dengan sesiapa sahaja yang berasa tidak selamat, ketika kota itu dalam keadaan berjaga-jaga. *Hashtag* itu memberi inspirasi pada beberapa tindakan susulan termasuk sebuah laman web. Walau bagaimanapun, selepas menjadi trend di seluruh dunia pada Disember 2014, tidak banyak yang telah dilakukan untuk mempromosi dan menyesuaikan kandungan *hashtag* tersebut.

[52] Casebeer and Russell, "Storytelling and Terrorism," p. 7.

KAJIAN KES DARI ASIA TENGGARA

KAJIAN KES #1: "DARE TO BE PEACE" #BERANIDAMAI

AUDIENS SASARAN:

Kempen ini disasarkan kepada belia di kawasan bandar di Indonesia yang aktif di media sosial seperti Facebook, Twitter dan YouTube. Secara khususnya, kempen ini memberi tumpuan kepada masyarakat sekular bandar yang mudah dipengaruhi kerana kurang pemahaman agama (terutamanya di Jakarta).

PENGUTUS:

Kempen ini menyelaraskan usaha 130 kumpulan komuniti di Indonesia, termasuk kumpulan-kumpulan teater, usrah, kumpulan wanita, aktivis hak asasi manusia, peminat artis, kumpulan perniagaan, kumpulan belia, bekas pejuang jihad, rangkaian mangsa serangan pengganas dan keagamaan serta kesatuan buruh. Di antara pengutus utama ialah selebriti Indonesia, termasuk tokoh-tokoh politik, bintang sukan dan pemuzik.

MEDIUM:

Platform utama ialah Twitter dan media sosial. Program ini juga meliputi perhimpunan besar, siaran TV yang melibatkan promosi program oleh selebriti penting, dan video YouTube yang kemudiannya dimuat naik di internet. Kalendar dengan mesej damai yang menyasarkan ibu bapa tunggal turut disertakan dengan nasihat praktikal mengenai pembiayaan mikro.

PESANAN:

Kempen "Dare to be Peace" telah dibangunkan di Indonesia oleh *The Wahid Institute* sebagai aktiviti tambahan bagi Hari Damai Antarabangsa, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Objektif naratif balas ini adalah untuk melibatkan dan menggalakkan "majoriti yang senyap" dalam menyampaikan mesej kesederhanaan dan toleransi. Mesej itu sendiri bertujuan untuk menentang mesej tak bertoleransi yang dicanang oleh ekstremis.

LANGKAH SETERUSNYA

Naratif balas ini boleh diperluas lagi jika ia disesuaikan dengan beberapa konteks luar bandar dan budaya tempatan di Indonesia. Sebagai contoh, di Ambon terdapat budaya tempatan "pela gandong" yang merujuk pada hubungan kekeluargaan dan rangkaian yang menjangkaui agama dan etnik. Elemen budaya tempatan ini dapat dimanfaatkan untuk memberi sentuhan tempatan bagi mesej toleransi dan kesederhanaan.

KAJIAN KES #2: *A COMMON WORD*

AUDIENS SASARAN:

Tumpuan diberikan kepada pemimpin dan penganut kepercayaan Nabi Ibrahim a.s. serta pengikut kepada pemimpin-pemimpin agama yang turut mematuhi prinsip-prinsipnya. Dokumen ini boleh didapati dalam bahasa Inggeris, Arab, Perancis, Itali, Jerman, Indonesia, Rusia dan Poland, dengan pengenalan yang juga boleh didapati dalam Bahasa Sepanyol.

PENGUTUS:

Ketua-ketua Islam di seluruh Asia Tenggara dan dunia. Penyokong laman web ini termasuklah tokoh-tokoh politik dan agama utama yang mempunyai pengaruh besar ke atas penduduk Muslim dan Kristian. Memandangkan penerima warkah (mesej) telah pun membalas, maka pemimpin Kristian dan badan utama Kristian seterusnya boleh dianggap sebagai pengutus peringkat sekunder.

MEDIUM:

Laman web (www.acommonword.com) dan dokumen.

Laman web ini turut mempromosi acara-acara penting seperti penglibatan pemimpin agama dalam dialog antara-agama, dan juga telah memberi inspirasi pada penghasilan beberapa penerbitan akademik di bawah topik yang sama (http://www.acommonword.com/category/new-fruits/publications/).

PESANAN:

"A Common Word" ialah surat terbuka oleh pemimpin Islam kepada penganut Kristian yang menjelaskan tentang perintah-perintah Allah kepada umat Islam untuk mencintai-Nya dan mengasihi jiran tetangga, sambil merujuk kepada saudara-saudara mereka daripada pegangan Nabi Ibrahim a.s. Inisiatif ini berasal dari Jordan pada tahun 2007, tetapi telah mendapat tarikan di Indonesia dan Filipina.

Mesej dasarnya merujuk pada kitab Injil dan Al-Quran dan mesej yang menyeru agar saling mengasihi sesama manusia dan melayani orang lain dengan kebaikan. Laman web ini juga memberi tumpuan pada titik perdebatan dan perbezaan antara agama, dan menekankan terdapatnya keperluan untuk berdialog di kalangan pemimpin agama.

LANGKAH SETERUSNYA

Kempen perlu lebih proaktif untuk mencapai para pemimpin agama di peringkat tertinggi (cth *Archbishop of Canterbury*, Mufti Besar dan Paus) dan juga pemimpin-pemimpin agama tempatan di Asia Tenggara. Di samping itu, buat masa ini, mesej ini hanya boleh didapati melalui laman web. Mesej ini boleh berkembang melalui penggunaan platform media sosial atau kata-kata ungkapan dalam foto serta mesej dalam bentuk GIF.

WOMEN WITHOUT BORDERS
CHANGE THE WORLD.

KAJIAN KES #3: *MOTHER'S SCHOOLS* DI INDONESIA

AUDIENS SASARAN:

Sasaran program Mother's School adalah golongan ibu dalam komuniti yang terjejas oleh keganasan ekstremis. Walau bagaimanapun, terdapat dua sasaran utama bagi naratif balas tersebut iaitu: 1) masyarakat dan lingkungan sosial langsung di kalangan ibu-ibu yang terlatih, dan 2) anak-anak kepada ibu-ibu yang terlatih.

PENGUTUS:

Model *Mother's School* bekerjasama dengan NGO tempatan yang memberi masyarakat setempat hakmilik ke atas inisiatif itu bagi memastikan pelaksanaan yang mampan dan kredibiliti yang lebih terjamin. Dalam konteks Asia Tenggara, model *Mother's School* telah dilaksanakan dengan kerjasama TANOKER, sebuah NGO tempatan yang memberi tumpuan pada budaya tradisi di Ledokombo. Model ini menggunakan budaya tradisi tempatan sebagai pintu masuk untuk melibatkan diri dengan kaum ibu dalam masyarakat, iaitu melalui aktiviti tenunan/ kraftangan, batik dan festival kebudayaan.

Pengutus sekunder adalah kaum ibu itu sendiri. Model *Mother's School* dilaksanakan berdasarkan premis bahawa kaum ibu adalah benteng pertahanan pertama untuk menentang radikalisasi belia ke arah keganasan. *Mother's School* bertujuan untuk memperkasa wanita supaya bekerja bersama dan di dalam komuniti mereka untuk membina pengaruh dan menjadi penggerak ke arah perubahan.

Pengutus ketiga adalah lingkungan sosial kaum ibu yang mendapat manfaat daripada ilmu yang mereka pelajari di bengkel-bengkel. Sebagai contoh, para bapa boleh mempelajari kemahiran daripada para ibu dan mungkin dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan dan mendidik anak-anak mereka.

MEDIUM:

Mother's School merupakan sebuah program latihan di mana medium penyampaian mesej disediakan di pelbagai platform. Sebagai contoh, program latihan akan disusuli dengan pertemuan secara perseorangan oleh pasukan SAVE, penganjuran bengkel dan platform susulan untuk kaum ibu bertemu, serta ceramah TED oleh Edit Schlaffer, pengasas SAVE, yang boleh didapati dalam talian.

Video tentang model *Mother's School* boleh didapati di sini: https://www.youtube.com/watch?v=90diNrGrN08

Maklumat lanjut berkenaan program boleh didapati di: http://www.women-without-borders.org/projects/underway/42/

PESANAN:

Model *Mother's School* merupakan inisiatif sebuah organisasi bukan kerajaan yang berpangkalan di Vienna (NGO), *Sisters Againsts Violent Extremism* (SAVE). Premis penubuhan *Mother's School* adalah untuk membangunkan keupayaan kaum ibu di beberapa negara agar lebih bersedia untuk mencegah pengaruh radikalisasi dan keganasan pada anak-anak mereka. Pihak SAVE bekerjasama dengan organisasi tempatan untuk membangunkan program yang direka khas bagi menangani isu-isu masyarakat; termasuk kemahiran keibubapaan yang lebih baik, kemahiran berkomunikasi, strategi wacana dengan anak-anak, strategi untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak, dan mengenal pasti petanda awal radikalisasi. Program rintis telah dimulakan di Tajikistan pada tahun 2013 dan telah berkembang ke 5 negara (Nigeria, Indonesia, Pakistan, India dan Tanzania), dengan rancangan untuk dilancarkan di beberapa negara Eropah yang lain.

Mesej yang disampaikan oleh *Mother's School* juga dianggap sebagai naratif balas kerana ekstremis nekad mendapatkan pengikut walaupun akan memisahkan keluarga. *Mother's School* juga menekankan peranan utama kaum wanita dan keluarga dalam menghalang pengganas daripada menjayakan "usaha pemisahan" tersebut, iaitu dengan membina keupayaan wanita untuk mempertahan atau mengukuhkan ikatan kekeluargaan walaupun dicabar. Terdapat juga naratif balas yang menyangkal idea di mana wanita akan merelakan kewujudan ekstremisme dalam keluarga mereka, serta menolak naratif bahawa kejayaan ekstremisme adalah lebih utama daripada hubungan kekeluargaan.

LANGKAH SETERUSNYA

Program sedia ada boleh dihubungkan dengan inisiatif tempatan lain yang mempunyai matlamat yang sama (sebagai contoh, *Dare to be Peace*). Mesej-mesej dan peralatan yang disediakan dalam bengkel boleh ditambah dengan bahan-bahan latihan tambahan dan kerja kursus melalui saluran-saluran media sosial dan dalam talian.

SUMBER TAMBAHAN

Abuza, Z. Joining the New Caravan: ISIS and the Regeneration of Terrorism in South East Asia. Washington, D.C.: Strategic Studies Institute, 2015. https://www.strategicstudiesinstitute.army.mil/index.cfm/articles/joining-the-new-caravan/2015/06/25.

"Advice for Those Embarking Upon Hijrah." *Dabiq* 3 (A Call to Hijrah). Al Hayat Media Center, 2014. http://media.clarionproject.org/files/09-2014/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-3-the-call-to-*hijrah*.pdf

Ali, Mohammad Bin. *Coping with the Threat of Jemaah Islamiyah: The Singapore experience*. International Centre for Political Violence and Terrorism Research, 2004. http://rrg.sg/images/pdf/countering-extremism/Coping_with_threat_of_JI.pdf.

Aly, Anne. "The Terrorists' Audience: A Model of Internet Radicalisation." *Journal of Australian Professional Intelligence Officers.*, 17, no. 1 (2009): 3–19.

Aly, Anne. "The Internet as Ideological Battleground." In *Proceedings of the 1st Australian Counter Terrorism Conference* SECAU, 2010: 1-6.

Ashour, Omar. "Online De-Radicalization? Countering Violent Extremist Narratives: Message, Messenger and Media Strategy." *Perspectives On Terrorism*, 4, no. 6 (2010): 15–19.

Australian Government. Using Social Media to Communicate Against Violent Extremism. Canbarra: Living Safe Together, 2015. https://www.ag.gov.au/NationalSecurity/Counteringviolentextremism/CVE-Summit/Documents/Workshop-1-Working-with-social-media-We-Are-Social.PDF.

Azra, A. Indonesian Youth: Religious-Linked Violence and Terrorism. *Panarama: Insights into Asian and European Affairs* (2015): 123–134.

Banlaoi, Rommel C. *Al-Harakatul Al Silamiyyah: Essays on the Abu Sayyaf Group*. Manilla: Philippine Institute for Peace, Violence and Terrorism Research, 2012.

Barton, Greg. "Islamic State, Radicalisation and the Recruitment of Foreign Fighters in Australia: The pull to make *hijrah* from the lucky country to God's nation." *Panarama: Insights into Asian and European Affairs*, (2015): 105–122.

Bergin, Anthony, Sulastri Bte Osman, Carl Ungerer and Nur Azlin Mohamed Yasin. *Countering internet radicalisation in South East Asia*. Barton: Australian Strategic Policy Institute, 2009. https://www.aspi.org.au/publications/special-report-issue-22-countering-internet-radicalisation-in-southeast-asia/9_22_46_AM_SR22_Countering_internet_radicalisation.pdf.

Briggs, Rachel, and Sebastien Feve. "Review of Programs to Counter Narratives of Violent Extremism." London: Institute for Strategic Dialogue, 2013. https://www.counterextremism.org/download_file/117/134/444/.

Casebeer, William D. and James A. Russell. "Storytelling and Terrorism: Towards a Comprehensive 'Counter-Narrative Strategy.'" *Strategic Insights* 4, no.3 (March 2005). http://www.au.af.mil/au/awc/awcgate/nps/casebeer_mar05.pdf.

Chaliand, G., & Blin (Eds.). *The History of Terrorism: From Antiquity to* Al Qaeda. (University of California Press, 2007).

Chalk, Peter. "Black Flag Rising: ISIL in South East Asia and Australia." Australian Strategic Policy Institute, December 2015. https://www.aspi.org.au/publications/black-flag-rising-isil-in-southeast-asia-and-australia/Black-flag-rising_ISIL.pdf.

Chan, A. "The Call of ISIS: The medium and the message attracting South East Asians." *Counter Terrorist Trends and Analysis* 7, no. 4 (2015): 4–9.

Fernandez, Alberto, M. *Here to stay and growing: Combating ISIS propaganda networks*. Washington, D.C.: The Brookings Institution, 2015. http://www.brookings.edu/~/media/research/files/papers/2015/10/combating-isis-propaganda-fernandez/is-propaganda_web_english.pdf.

Gunaratna, Rohan. *Annual Threat Assessment*. Singapore: International Centre For Political Violence And Terrorism Research, 2015. http://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2015/01/CTTA-Jan_Feb-2015.pdf.

Gunaratna, Rohan. "The Current and Emerging Extremist Threat in Malaysia." In Radical Islamic Ideology in South East Asia. West Point: The Counter-Terrorism Center at West Point, 2009. https://www.ciaonet.org/attachments/14599/uploads.

Gunaratna, Rohan and Orla Hennessy. *Through the Militant Lens: The Power of Ideology and Narratives*. The Hague: International Centre for Counter-Terrorism, 2012. http://www.icct.nl/download/file/ICCT-Gunaratna-Hennessy-Through-the-Militant-Lens-June-2012.pdf.

Hawley, S., A. Prihantari, and A. Wu. "Two senior leaders of Jemaah Islamiah released on parole after serving half of 15-year sentences." *ABC News*. http://www.abc.net.au/news/2015-10-29/jemaah-islamiyah-leaders-released-on-parole/6894738

Hanson, Fergus. "Countering ISIS in South East Asia: The Case for an ICT Offensive." Perth US Asia Centre, February 2015. http://perthusasia.edu.au/usac/assets/media/docs/publications/FINAL_F_Hanson_ISIS_ICT.pdf.

Hedayah and the International Centre for Counter-Terrorism—the Hague. *Developing Effective Counter-Narrative Frameworks for Countering Violent Extremism (CVE)*. Abu Dhabi: Hedayah and ICCT, 2014. http://www.hedayah.ae/pdf/developing-effective-counter-narrative-frameworks-for-countering-violent-extremism.pdf.

"Hijrah to Sham is from the Millah of Ibrahim." *Dabiq* Issue 3 (A Call to Hijrah). Al Hayat Media Center, 2014. http://media.clarionproject.org/files/09-2014/isis-isil-islamic-state-magazine-Issue-3-the-call-to-*hijrah*.pdf

Holtmann, Philip. "Countering al-Qaeda's single narrative." *Perspectives on Terrorism*, 7, no. 2 (2013).

Hu, E. *Information Technology Strategies and Platforms Used by Islamic Extremist Groups and How to Counter Them: Fieldwork and Analysis on Lebanese Hezbollah*, Afghan Taliban and Daesh. Kabul: Impassion Group, 2016.

Ikhwan, A.G., Perangilah Mereka Dengan Segala Kekuatan (Fight Them with Any Strength). Forum Islam Al-Busyro, Jihadology.net, 2015. https://azelin.files.wordpress.com/2015/04/gharc4abb-al-ikhwc481n-22ink-of-jihc481d-10-fight-them-with-any-strength22.pdf.

Institute for Policy Analysis of Conflict. *Online Activism and Social Media Usage among Indonesian Extremists*. Jakarta: IPAC, 2015. http://file.understanding-conflict.org/file/2015/10/IPAC_24_Online_Activism_Social_Media.pdf.

"*Jund al-Khilafah* in the Philippines—"Training Camp." Jihadology.net , 2015. http://jihadology.net/2015/12/20/new-video-message-from-jund-al-khilafah-in-the-philippines-training-camp/.

Kessels, Eelco. *Countering Violent Extremist Narratives*. The Hague: National Coordinator for Counterterrorism, July 2010. http://www.clingendael.nl/sites/default/files/Countering-violent-extremist-narratives.pdf.

Neumann, Peter. *Victims, Perpetrators, Assets: The Narratives of Islamic State Defectors*. London: International Centre for the Study of Radicalisation and Political Violence, 2015. http://icsr.info/2015/09/icsr-report-narratives-islamic-state-defectors/.

Neumann, Peter, T. Stevens and M. Whine. *Countering Online Radicalisation: A Strategy for Action* London: International Centre for the Study of Radicalisation and Political Violence, n.d. http://icsr.info/2009/03/countering-online-radicalisation-a-strategy-for-action/.

Quiggin, Tom. "Understanding al-Qaeda's ideology for counter-narrative work." *Perspectives on Terrorism*, 3, no.2 (2010).

Ramakrishna, Kumar. *It's the Story, Stupid: Developing a Counter-Strategy for Neutralizing Radical Islamism in South East Asia*. London: Defense Academy of the United Kingdom, Research and Assessment Group, 2005. http://mercury.ethz.ch/serviceengine/Files/ISN/43995/ichaptersection_singledocument/449cb15d-ec9e-4ee7-a223-72c5d456a96c/en/05.pdf

Samuel, Thomas, "Countering the Terrorist Narrative: Issues and challenges in contesting such spaces." In *Countering Violent Extremism: Developing an Evidence-base for Policy and Practice*. Edited by Sara Zeiger and Anne Aly. Perth: Curtin University, 2015: 91-98. http://www.hedayah.ae/pdf/cve-edited-volume.pdf.

Samuel, Thomas. *Radicalisation in South East Asia: A Selected Case Study of* Daesh *in Indonesia, Malaysia and the Philippines*. Kuala Lumpur: South East Asia Regional Center on Counter-Terrorism, 2016. http://www.searcct.gov.my/images/PDF_My/publication/Resized/Monograph-Daesh-in-Indo-Msia-and-the-Philippines-By-Mr-Thomas.pdf.

Singh, J., & Arianti, V. "Islamic State's South East Asia Unit: Raising the Security Threat- Analysis." *Eurasia Review* (October 2015). http://www.eurasiareview.com/20102015-islamic-states-South East-asia-unit-raising-the-security-threat-analysis/.

Sarapi, Nur Irfani Binte, and Nur Azlin Mohamed Yasin. "Countering the Narrative of Terrorism: Role of the Singaporean Community Crucial." *Singaporean Policy Journal* (2015). http://singaporepolicyjournal.com/2015/11/15/countering-the-narrative-of-terrorism-role-of-the-singaporean-community-crucial/.

Schmid, Alex P. *Strengthening the Role of Victims and Incorporating Victims in Efforts to Counter Violent Extremism and Terrorism*. The Hague: International Centre for Counter-Terrorism-the Hague, 2012. http://www.icct.nl/download/file/ICCT-Schmid-Strengthening-the-Role-of-Victims-August-2012.pdf

Schmid, Alex P. Al Qaeda*'s "Single Narrative" and Attempts to Develop Counter-Narratives*. The Hague: International Centre for Counter-Terrorism, 2014. http://www.icct.nl/download/file/Schmid-Al-Qaeda's-Single-Narrative-and-Attempts-to-Develop-Counter-Narratives-January-2014.pdf.

Sim, Susan. *Countering Violent Extremism: Leveraging Terrorist Dropouts to Counter Violent Extremism in South East Asia*. Doha: Qatar International Academy for Security Studies, 2013. http://soufangroup.com/wp-content/uploads/2013/12/CVE-PHASE-II-VOL.-II-Final-Feb-13.pdf.

Sugara, Robi. "Santoso: The Terrorist Leader from Nowhere," *Counter Terrorist Trends and Analysis* 6, no. 10 (November 2014): 23-26.

Stevens, Tim. "New Media and Counter-Narrative Strategies: Countering Violent Extremist Narratives." In *Countering Violent Extremist Narratives*, edited by Eelco Kessels. The Hague: National Coordinator for Counterterrorism, 2010: 112-122.

The Soufan Group. *Foreign Fighters: An updated assessment of the flow of foreign fighters into Syria and Iraq*. New York: The Soufan Group, 2015. http://soufangroup.com/wp-content/uploads/2015/12/TSG_ForeignFightersUpdate3.pdf.

UN Security Council, Seventeenth report of the Analytical Support and Sanctions Monitoring Team concerning Al-Qaida and associated individuals and entities. (June 16 2015). http://www.derechos.org/peace/syria/doc/unalq1.html.

Van Ginkel, B. T. *Responding to Cyber Jihad: Towards an Effective Counter Narrative*. The Hague: International Centre for Counter-Terrorism-the Hague, 2015. http://www.icct.nl/download/file/ICCT-van-Ginkel-Responding-To-Cyber-Jihad-Towards-An-Effective-Counter-Narrative-March2015.pdf

Winter, Charlie. *Documenting the Virtual 'Caliphate'*. London: Quilliam Foundation, 2015. http://www.quilliamfoundation.org/wp/wp-content/uploads/publications/free/documenting-the-virtual-caliphate.pdf.

Winter, Charlie. *The Virtual 'Caliphate'" Understanding Islamic State's Propaganda Strategy*. London: Quilliam Foundation, 2015. http://www.quilliamfoundation.org/wp/wp-content/uploads/2015/10/FINAL-documenting-the-virtual-caliphate.pdf.

Yasin, Nur Azlin Mohamed. "Impact of ISIS' Online Campaign in South East Asia." *Counter Terrorist Trends and Anaysis* 7, no. 4 (May 2015): 26-32.

Zeiger, Sara. *Counter-Narratives for Countering Violent Extremism (CVE) in South East Asia.* Abu Dhabi: Hedayah, 2016. http://www.hedayah.ae/pdf/cn-se-asia.pdf.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Mengenai Projek

Lampiran 2

Ekstremisme Ganas di Asia Tenggara

Lampiran 3

Butiran Naratif Balas

LAMPIRAN 1: MENGENAI PROJEK

Kompendium Asia Tenggara ini ialah outcome yang praktikal dan nyata yang terhasil dari "Sidang Kemuncak Serantau Australia bagi Mencegah Ekstremisme Ganas (Jun 2015)". Ia terbina berpandukan kerja-kerja yang sedang dijalankan di peringkat global bagi melaksanakan Resolusi Majlis Keselamatan PBB (UNSCR) 2178 (2014) untuk menangani pejuang pengganas asing, Agenda Tindakan Susulan yang dimulakan oleh Sidang Kemuncak CVE *White House*, serta Pelan Tindakan PBB bagi Mencegah Keganasan.

Tujuan kompendium ini adalah untuk:

- Menerangkan mengenai pendekatan amalan baik naratif balas sedia ada yang disumbangkan oleh badan-badan penyelidikan utama;
- Memberi cerminan mengenai pelbagai amalan serantau;
- Mengambil kira pelbagai kajian kes amalan terbaik bagi kempen naratif balas yang berkesan, terutamanya dari rantau ini (dan luar), serta analisis bagi punca utama kejayaan;
- Menyenaraikan naratif pengganas yang lazim digunakan dan naratif balas yang berpadanan di Lampiran; dan
- Menyediakan pautan ke bahan dalam talian (seperti rujukan pada fail video/ audio).

Kompendium ini dan lampiran naratif balas boleh didapati melalui Perpustakaan Naratif Balas Hedayah. Koleksi naratif balas pada mulanya dibuat dan dilancarkan oleh beberapa negara, yang didahului oleh kerajaan Belanda, dan kemudiannya diserahkan kepada Hedayah pada Julai 2015. Koleksi tersebut yang merangkumi naratif balas sedia ada dari sumber terbuka, boleh didapati di laman web Hedayah melalui portal yang dilindungi dengan kata laluan.

Hedayah merancang untuk mengembangkan Perpustakaan Naratif Balas melalui pembangunan koleksi serantau. Koleksi serantau akan datang akan meliputi Timur Tengah dan Afrika Utara, Afrika Barat dan Sahel, serta Tanduk Afrika/ Afrika Timur. Untuk maklumat lanjut atau akses ke Perpustakaan Naratif Balas, sila hubungi cnlibrary.admin@hedayah.ae.

LAMPIRAN 2: EKSTREMISME GANAS DI ASIA TENGGARA

Pengenalan

Lampiran ini bertujuan untuk menggariskan ancaman utama ekstremisme ganas di Asia Tenggara. Ia tidak bertujuan untuk menjadi asas penilaian ancaman, tetapi sebaliknya ditulis untuk memberikan sedikit latar belakang dan konteks terhadap kompendium.

Ancaman di Asia Tenggara

Apabila berbicara mengenai ekstremisme ganas, Asia Tenggara kini berisiko dari tiga ancaman utama:

1. Radikalisasi, pengambilan rekrut dan pergerakan individu dari rantau ini ke Iraq dan Syria, serta kepulangan individu-individu tersebut untuk melancarkan serangan di Asia Tenggara;
2. Radikalisasi individu yang diinspirasi oleh konflik antarabangsa dan menjalankan serangan di dalam negara; dan
3. Perkaitan ideologi ekstremis global dengan konflik tempatan, sejarah dan antara rantau sehingga menguja rangkaian tempatan sedia ada untuk bersekutu dengan Daesh atau Al-Qaeda.

Pejuang Pengganas Asing

Salah satu ancaman yang muncul di Asia Tenggara ialah radikalisasi dan pengambilan rekrut oleh Daesh, Jabhat an-Nusra dan kumpulan lain di Iraq dan Syria. Ancaman ini semakin ketara apabila terdapat kemungkinan pejuang pengganas asing akan kembali ke Asia Tenggara dan membawa dengannya ideologi, kemahiran latihan serta rangkaian ekstremis antarabangsa. Sebagai contoh, dua rakyat Malaysia yang ditahan pada April 2015 didapati adalah anggota Tentera Udara Diraja Malaysia dan juga pemudahcara bagi perjalanan ke Iraq dan Syria. Begitu juga di Indonesia, di mana dua juruterbang syarikat penerbangan komersial Indonesia telah dikenal pasti berhasrat untuk menyertai Daesh di Iraq dan Syria.

Pejuang asing yang telah kembali turut bekerjasama dengan sel-sel rekrut sedia ada untuk menyelaras pelancaran serangan yang lebih kecil di peringkat tempatan. Menurut laporan baru-baru ini oleh Kumpulan Soufan, sekitar 1150 pejuang asing telah bergerak dari Asia Tenggara (termasuk Australia dan New Zealand) ke Iraq dan Syria sejak konflik bermula. Namun laporan itu juga mengakui bahawa anggaran yang lebih tepat mungkin di sekitar 750 orang sahaja. Mengikut kiraan rasmi, sebahagian besar daripada pejuang ini adalah dari Australia (150-250), Indonesia (700), Malaysia (100), Filipina (100), dan New Zealand (5 -10) serta satu pasangan dari Singapura (2).[53] Menurut laporan yang sama oleh Kumpulan Soufan, terdapat juga pejuang yang telah kembali ke Indonesia (162) and Malaysia (5+).

Radikalisasi Individu untuk melancarkan serangan dalam negara

Ancaman kedua di Asia Tenggara ialah pengaruh kumpulan transnasional ke atas individu untuk menjalankan serangan di dalam negara. Dalam kes ini, individu tersebut tidak semestinya mempunyai kaitan dengan kumpulan pengganas

[53] The Soufan Group, Foreign Fighters: An updated assessment of the flow of foreign fighters into Syria and Iraq (New York: The Soufan Group, 2015), http://soufangroup.com/wp-content/uploads/2015/12/TSG_ForeignFightersUpdate3.pdf, p. 8-9.

(seperti Daesh, Al-Qaeda atau kumpulan serantau atau tempatan), namun nekad melancarkan serangan setelah diinspirasi sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh ideologi kumpulan tersebut. Ancaman sebegini sukar untuk diramal atau dihalang, tetapi sepertimana insiden penawanan di Sydney, Australia pada Disember 2014, serangan yang dijalankan oleh orang perseorangan berkemungkinan akan terjadi.[54] Daesh secara khususnya menggalakkan serangan sebegini, dan kebarangkalian untuk serangan sedemikian dilakukan tanpa bantuan pihak luar, masih menjadi kebimbangan. Dalam pada itu, terdapat juga beberapa kes di Singapura di mana individu telah meradikalisasikan diri dan berhasrat untuk melancarkan serangan di dalam negara.

Kemunculan Semula Rangkaian Pengganas Tempatan

Dalam sejarah Asia Tenggara, terdapat beberapa kumpulan yang telah menggunakan keganasan untuk mencapai objektif mereka, daripada pemberontak pemisah sehingga kumpulan-kumpulan komunis serta organisasi pengganas Islam. Sebagai contoh, sejarah menunjukkan bahawa Al-Qaeda dan sekutu-sekutunya adalah dalang dalam menyediakan sokongan ideologi, kewangan dan operasi kepada kumpulan seperti Abu Sayyaf (ASG) di Filipina; Lashkar Jundullah di Indonesia; Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) di Malaysia; dan Jemaah Islamiyah (JI) yang beroperasi di Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand.[55] Di Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina, kumpulan yang tidak bergabung dengan Al-Qaeda juga telah beberapa tahun aktif dan menggunakan keganasan. Sebagai contoh, sejak Januari 2004 di Thailand, keganasan antara pemberontak dan pasukan keselamatan telah menyebabkan lebih 3,400 orang maut.[56]

Pihak JI, yang secara tradisi dianggap kumpulan paling berbahaya di Asia Tenggara telah ditubuhkan sebagai kumpulan Darul Islam iaitu kumpulan politik yang bertujuan untuk mewujudkan sebuah negara Islam serta melaksanakan undang-undang Syariah di Indonesia. JI nampaknya telah dibangkitkan semula setelah beberapa tahun menyepi. Organisasi ini telah mewujudkan kumpulan ejen rahsia (*sleeper cells*) di pelbagai negara, serta merekrut dan melatih profesional seperti doktor, jurutera dan juruteknik sebagai sebahagian daripada usaha jangkauannya. Kebangkitan semula JI melalui rangkaian lama yang masih utuh juga menimbulkan ancaman jangka panjang ke rantau ini.

Ancaman yang muncul dari Al-Qaeda dan sekutunya telah susut di Asia Tenggara sepanjang dekad yang lalu. Antaranya kerana kejayaan operasi memerangi keganasan yang menyebabkan kematian atau penahanan anggota utama kumpulan-kumpulan ini. Bagaimanapun, ideologi global Al-Qaeda telah bertahan dan ideologi asasnya telah dihidupkan semula oleh Daesh yang semakin berpengaruh di Asia Tenggara melalui kumpulan-kumpulan seperti JI, ASG dan Jemmah Anshorut Tauhid.[57] Al-Qaeda dan Daesh mempengaruhi matlamat strategik kumpulan pemisah di rantau Asia Tenggara dengan mengubah taktik dan naratif mereka, iaitu daripada memenangi perjuangan wilayah setempat ke melancarkan jihad sedunia.[58]

---

[54] Catatan: Serangan Sydney masih dalam penyelidikan.

[55] Chaliand, G., & Blin (Eds.), *The History of Terrorism: From Antiquity to* Al Qaeda, (University of California Press, 2007).

[56] Perlu diambil maklum bahawa walaupun kumpulan ekstremis di rantau ini kadangkala pernah memberi sokongan dalam bentuk kebendaan dan pernah menggunakan nasib Muslim Thailand sebagai inspirasi untuk matlamat mereka, namun tidak banyak bukti yang menunjukkan kumpulan jihadi tersebut terlibat secara aktif di Selatan Thailand.

[57] UN Security Council, Seventeenth report of the Analytical Support and Sanctions Monitoring Team concerning Al-Qaida and associated individuals and entities, (June 16 2015), http://www.derechos.org/peace/syria/doc/unalq1.html.

Beberapa kumpulan sebelum ini yang pernah bergabung dengan Al-Qaeda dan JI, telah bersumpah taat setia kepada Daesh. Kumpulan Indonesia Mujahidin Indonesia Timur (MIT), yang diketuai oleh Santoso adalah antara kumpulan yang paling luas tersebar. Walaupun saiznya kecil, organisasi itu telah mendapat perhatian apabila Santoso menerbitkan video rasmi sumpah taat setia kepada Daesh pada 1 Julai 2014. Paling ketara, video yang telah dihasilkan dalam bahasa Arab dengan sarikata Bahasa Inggeris menunjukkan bahawa penonton sasaran berada di luar Indonesia, dan ia mungkin bertujuan untuk memperoleh senjata dan sokongan antarabangsa.[59] MIT pula adalah satu-satunya kumpulan di Indonesia yang mendakwa mempunyai kawasan jajahan (Poso, Indonesia). Dimaklumkan jua bahawa beberapa organisasi lain di Indonesia juga menyokong Daesh, termasuk Forum Aktivis Undang-undang Islam (FAKSI) dan Forum Penyokong Daulah Islamiyah (FPDI).[60]

Sebahagian daripada pengaruh Daesh di Asia Tenggara boleh dikaitkan dengan pembentukan sebuah unit pertempuran berbahasa Melayu dipanggil Majmuah al Arkhabiliy (Kumpulan/Unit Nusantara) untuk membantu pejuang dari Asia Tenggara mengatasi kejutan budaya apabila di negara Arab seperti Iraq/Syria.[61] Tambahan juga, Kumpulan al-Hayat Media telah menterjemah atau menyediakan sari kata video (sehingga 20 video sebulan) dalam Bahasa Indonesia, sekaligus mendedahkan Asia Tenggara sebagai kawasan rekrut utama mereka.[62]

Di Filipina juga sumpah taat setia kepada Daesh telah diikrarkan oleh empat kumpulan yang sangat dikenali iaitu, ASG, *Bangsamoro Islamic Freedom Fighters* (BIFF), *The Rajah Solaiman Islamic Movement* (RSM), dan Khilafah Islamiyah Mindanao ("pergerakan bendera hitam"). Pada Julai 2014, pemimpin Abu Sayyaf, Isnilon Hapilon, bersumpah taat setia kepada Abu Bakr Al-Baghdadi dalam video, sekaligus mengumumkan kehadiran Daesh di Filipina. Pada September 2014, kumpulan tersebut mula menculik tebusan atas nama Daesh dan beberapa laporan telah menyatakan bahawa ahli-ahli ASG sedang dilatih oleh Daesh di Iraq dan Syria, dan juga rangkaian JI yang baru dihidupkan semula di Filipina.[63]

Meskipun kerajaan banyak melakukan serangan di wilayah BIFF pada awal 2014, organisasi itu masih kekal sebagai dalang dalam naratif transnasional Daesh, dengan sumpah taat setia pemimpinnya kepada Abu Bakr al-Baghdadi pada Ogos 2014. Walaupun RSM agak kurang aktif kerana kebanyakan daripada pemimpinnya sedang dipenjarakan, organisasi itu terus mengumpul pengikut manakala ikrar pemimpinnya yang sedang dipenjara, Hilarion Del Rosario Santos III, kepada Al-Baghdadi mungkin menggalakkan orang lain untuk menyertai kumpulannya.[64] Akhir sekali, kumpulan yang terbaru ialah Khilafah Islamiyah, atau "pergerakan bendera hitam", yang merupakan sebuah entiti payung yang terdiri daripada golongan muda dan mendokong unsur-unsur ASG, BIFF dan JI serta secara rasmi berikrar taat setia kepada Daesh.

---

[58] Rohan Gunaratna, Annual Threat Assessment (Singapore: International Centre For Political Violence And Terrorism Research, 2015), http://www.rsis.edu.sg/wp-content/uploads/2015/01/CTTA-Jan_Feb-2015.pdf.

[59] Sugara, "Santoso."

[60] Peter Chalk, "Black Flag Rising: ISIL in South East Asia and Australia" (Australian Strategic Policy Institute, December 2015), https://www.aspi.org.au/publications/black-flag-rising-isil-in-southeast-asia-and-australia/Black-flag-rising_ISIL.pdf.

[61] Chan, "The Call of ISIS."

[62] J. Singh and V. Arianti, "Islamic State's South East Asia Unit: Raising the Security Threat- Analysis" *Eurasia Review* (October 2015). http://www.eurasiareview.com/20102015-islamic-states-South East-asia-unit-raising-the-security-threat-analysis/.

[63] Fergus Hanson, "Countering ISIS in South East Asia: The Case for an ICT Offensive," (Perth US Asia Centre, February 2015), http://perthusasia.edu.au/usac/assets/media/docs/publications/FINAL_F_Hanson_ISIS_ICT.pdf.

Risiko yang dikaitkan dengan kewujudan sejarah keganasan di Asia Tenggara adalah kerana rangkaian ini boleh dan sedang dibangkitkan semula oleh konflik dan pergerakan yang baru, seperti Daesh di Iraq dan Syria. Namun, perlu juga dinyatakan bahawa keretakan yang semakin meningkat di antara Daesh dan sekutu Al-Qaeda di Iraq dan Syria juga mempunyai implikasi terhadap Asia Tenggara. Walaupun Daesh semakin berkuasa dan berpengaruh terhadap sebilangan rangkaian sedia ada di Asia Tenggara, tetapi terdapat juga rangkaian lain yang menolak tuntutan dan objektifnya. Sebagai contoh, pemimpin Jamaah Anshorut Tauhid (JAT) yang juga pembimbing rohani JI, Abu Bakr al Bashir, telah bersumpah taat setia dengan al-Baghdadi dan Daesh,[65] dan mewajibkan anggota JAT untuk turut mentaati ikrar beliau. Pihak JI juga telah dilaporkan menyokong pengambilan rekrut dan pergerakan pejuang asing ke Syria/Iraq serta melatih kumpulan pengganas lain seperti ASG di Filipina. Walau bagaimanapun, harus diambil maklum jua bahawa terdapat sebilangan pemimpin utama JI yang menentang Daesh sekeras-kerasnya.[66]

Dalam konteks kompendium ini, perpecahan antara Al-Qaeda dan Daesh yang meliputi aspek ideologi, matlamat serta objektif memberikan kelebihan untuk naratif balas. Percanggahan idea daripada puak-puak pengganas juga membuka peluang untuk berdebat, berdialog dan berbincang dengan golongan yang paling berkecenderungan akan terjebak. Terdapat juga peluang untuk mengeksploitasi naratif yang digunakan oleh Al-Qaeda dan Daesh untuk menjatuhkan antara satu sama lain.

[64] UN Security Council, Seventeenth report.

[65] Chalk, "Black Flag Rising."

[66] See S. Hawley, A. Prihantari, and A. Wu, "Two senior leaders of Jemaah Islamiah released on parole after serving half of 15-year sentences," ABC News, http://www.abc.net.au/news/2015-10-29/jemaah-islamiyah-leaders-released-on-parole/6894738.

LAMPIRAN 3: BUTIRAN NARATIF BALAS, NARATIF POSITIF DAN ALTERNATIF

Kandungan bagi Lampiran 3 tidak didedahkan kepada umum demi melindungi para pengutus dan mesej naratif balas yang dikenalpasti. Sekiranya anda berminat untuk mendapatkan salinan laporan penuh (termasuk Lampiran 3), sila e-mel info@hedayah.ae beserta nama, maklumat untuk dihubungi, tujuan untuk mengakses dan bukti tauliah (credentials). Hedayah berhak menolak akses bagi Lampiran 3 kepada mana-mana individu atau organisasi atas sebarang sebab.

Kandungan Lampiran 3 turut disediakan dalam Perpustakaan Naratif Balas Hedayah. Bagi yang berminat untuk mengakses Perpustakaan Naratif Balas, sila hubungi pentadbir di cnlibrary.admin@hedayah.ae.

TENTANG HEDAYAH

Hedayah ditubuhkan sebagai respons terhadap permintaan meluas daripada ahli *Global Counter-Terrorism Forum* (GCTF) dan komuniti antarabangsa yang menginginkan penubuhan satu pusat multilateral bebas; dengan penumpuan kepada dialog dan komunikasi, pembangunan kapasiti dan penyelidikan serta analisis untuk menentangi ekstremisme ganas dalam semua bentuk dan manifestasinya.

Semasa pelancaran GCTF yang diadakan di peringkat menteri, di New York pada September 2011, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) telah menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah bagi *International Center of Excellence for Countering Violent Extremism*. Seterusnya, Hedayah telah dilancarkan pada Disember 2012 dan beribu pejabat di Abu Dhabi, UAE.

Penubuhan Hedayah adalah untuk menjadi pusat antarabangsa utama yang berkepakaran dan berpengalaman dalam menentangi ekstremisme ganas dengan menggalakkan pemahaman dan perkongsian amalan baik demi berkhidmat secara berkesan sebagai pusat global terulung dalam menentangi ekstremisme ganas.

www.hedayahcenter.org

Hedayah
countering violent extremism